

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 6hb. Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**UNIT RAWATAN RAPI HOSPITAL SULTANAH AMINAH,
JOHOR BAHRU - JUMLAH KATIL**

1. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah katil yang mampu menampung pesakit yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada satu-satu masa dan berapakah pula keperluan sebenar jumlah katil yang diperlukan mengikut jumlah permintaan secara purata dalam sehari; dan
- (b) sebagai sebuah hospital terbesar di dalam negeri Johor, adakah kerajaan pernah bercadang untuk meningkatkan kemampuan Unit Rawatan Rapi di hospital tersebut serta bilakah akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru mempunyai katil Unit Rawatan Rapi seperti berikut:-

- | | | |
|-------|-------------------------------|-----------|
| (i) | Unit Rawatan Rapi Umum | 9 katil |
| (ii) | Unit Rawatan Rapi Kes Jantung | 4 katil |
| (iii) | Unit Rawatan Rapi Bayi | 15 katil. |

Jumlah sebenar yang diperlukan mengikut keperluan adalah 20 buah katil sehari.

- (b) Kerajaan memang bercadang untuk meningkatkan kemampuan Unit Rawatan Rapi di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, perancangan telah dibuat untuk menambah tambahan sebanyak 17 buah katil seperti berikut:-

- | | | |
|-------|--|---------|
| (i) | Unit Rawatan Rapi Umum
(dijangka siap pada 1998) | 5 katil |
| (ii) | Unit Rawatan Rapi Bedah Saraf
(dijangka siap pada 1998) | 6 katil |
| (iii) | Unit Rawatan Rapi Kardiotorasik
(dijangka siap 1996) | 6 katil |

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah kriteria untuk kementerian memikirkan bagi mengganti sebuah bangunan hospital dan peralatan yang baru kerana apa yang saya difahamkan kementerian akan melihat kepada kadar pesakit dahulu daripada sesuatu kawasan itu barulah sesuatu bangunan itu dibuat. Tetapi adakah kementerian sedar bahawa dengan kekurangan permasalahan peralatan, kakitangan dan bangunan yang tidak begitu mengizinkan, maka pesakit tidak yakin untuk pergi ke hospital malah mereka takut. Jadi, adakah cadangan

kementerian untuk mengkaji keseluruhan bangunan-bangunan di hospital di seluruh negara untuk diperbaharui ataupun dibangunkan semula mengikut usia yang berkenaan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan adalah berasaskan kepada kajian yang dibuat di bawah Unit Perkembangan Perubatan yang mengkaji tentang keperluan yang dihantarkan bagi pihak Pengarah-pengarah Negeri untuk diberi pertimbangan tentang pembiayaan keperluan atau alatan-alatan ini ataupun cadangan untuk menambahkan bangunan atau tambahan.

Biasanya kriteria berasaskan kepada:-

- (i) peningkatan density atau kepadatan penduduk;
- (ii) kepelbagaian berlakunya jenis-jenis penyakit terutamanya yang sudah di peringkat yang kompleks;
- (iii) dilihat dari segi peralatan-peralatan yang sudah usang atau tidak boleh digunakan lagi berasaskan kepada kajian atau penilaian semula yang dibuat oleh jawatankuasa (committee) di bawah Unit Perkembangan Perubatan ataupun unit yang bersabit dengan soal pembelian.

Jadi, dalam soal ini memanglah kerajaan mengkaji ataupun menubuhkan satu jawatankuasa teknikal untuk mengkaji keperluan sebenarnya apabila submission, dengan izin, dibuat daripada peringkat bawah seperti dari peringkat

negeri dan daerah untuk meneliti sama ada keperluan itu sebenarnya diperlukan memandangkan kepada keadaan pertumbuhan industri kesihatan di tempat-tempat tertentu terutamanya di Lembah Kelang.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa dalam keadaan pertumbuhan industri sektor kesihatan yang semakin memuncak, keadaan persaingan ganjaran yang diberikan oleh pihak sektor swasta yang begitu memberi satu penekanan kepada pihak kementerian untuk menyekat pegawai-pegawai kesihatan dari hospital untuk meninggalkan perkhidmatan sektor awam, ini memandangkan bahawa kita belum lagi boleh mengkaji secara menyeluruh walaupun kajian itu sedang dilakukan pada kali ini dengan kementerian mengadakan dialog tahunan buat pertama kali sejak 40 tahun kementerian ini diwujudkan. Dialog ini telah melibatkan tiga kumpulan, iaitu kumpulan organisasi profesional dalam bidang-bidang kesihatan melibatkan mereka di kalangan organisasi bukan kerajaan atau NGOs dan juga mereka di kalangan industri-industri yang berkaitan dengan bidang kesihatan untuk mendapatkan maklum balas yang berkaitan dengan soal-soal infrastruktur, kemudahan-kemudahan dan keperluan untuk mengkaji akibat daripada pertumbuhan sektor swasta dalam soal ini dan juga bagaimanakah kerajaan harus mengkaji keperluan sebenarnya apabila submission dibuat dari peringkat bawah sama ada pihak sektor awam atau pihak kerajaan memerlukannya atau sama ada boleh untuk mengurangkan perbelanjaan adalah lebih ekonomik kita

menggunakan secara privatisation of the services, dengan izin, beberapa keperluan-keperluan seperti yang telah saya sebutkan.

Namun demikian, usaha kerajaan sememanglah untuk mencapai satu keadaan yang ideal iaitu untuk mendapatkan kerjasama antara pihak sektor swasta, kerajaan dan juga pihak bukan kerajaan dalam usaha kita memberi penekanan kepada aspek pencegahan. Jadi, dengan demikian bolehlah kita mengharapkan dalam menuju ke arah penyediaan satu tahap kesihatan yang lebih tinggi dalam Wawasan 2020, soal pencegahan, soal rawatan dan pemulihan itu boleh diasaskan berasaskan kepada konsep perkongsian yang akan melahirkan satu rancangan induk atau master plan kesihatan dan ini akan meliputi semua perkara Yang Berhormat bangkitkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang kedudukan bilangan katil pesakit di Unit Rawatan Rapi di Johor Bahru. Sukacita saya mendapat penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang keperluan bilangan katil Unit Rawatan Rapi di seluruh negara mengikut negeri-negeri terutamanya bagi negeri Perlis kerana di Perlis tidak ada hospital swasta.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat detail berkenaan dengan keperluan seluruh negara tetapi kalau Yang Berhormat mahu penerangan lanjut berkenaan dengan

tambahan-tambahan kepada kemudahan di samping Unit Rawatan Rapi yang memang terdapat dalam rekod-rekod kemudahan yang ada di setiap negara, tetapi saya akan sampaikan secara bertulis. Saya hanya boleh maklumkan bahawa di antara penambahan di samping Unit Rawatan Rapi Hospital, contohnya seperti Hospital Aminah ini juga mempunyai high dependency ward di mana pesakit diberi pemerhatian dan penyeliaan khas seperti berikut:-

- (a) high dependency ward bedah saraf 4 katil
- (b) high dependency ward bersalin 4 katil
- (c) high dependency ward umum 4 katil, dan
- (d) high dependency ward kardiotorasik 4 katil

Bererti, selain daripada katil-katil yang telah saya sebutkan tadi di Unit Rawatan Rapi umum ada 9 ditambah dengan 4 high dependency katil, seperti yang saya terangkan. Jadi bermakna, bukan sekadar kita memberikan tentang keperluan katil-katil yang ada, tetapi ada juga tambahan-tambahan seperti high dependency ward dan high dependency bed yang ditambah berasaskan kepada keperluan-keperluan umum dalam ward umum. Jadi, saya minta maaf kerana saya akan berikan secara bertulis keperluan di negeri-negeri lain.

FELDA - LOT-LOT KOSONG DAN PENEMPATAN PENEROKA BARU

2. **Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapa banyakkah lot-lot kosong yang terdapat di Felda di seluruh negara dan secara khususnya di Pahang; dan

- (b) adakah estet-estet yang sekarang ini dipunyai oleh Felda Plantations akan dibuka untuk penempatan peneroka-peneroka baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan

Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat sebanyak 1,427 lot-lot kosong yang ditinggalkan peneroka di rancangan-rancangan Felda dan sejumlah 426 lot darinya terletak dalam negeri Pahang. Lot-lot kosong yang lain adalah di Negeri Sembilan berjumlah 636 lot, Sabah 104 lot, Johor 100 lot, Terengganu 92 lot, Kelantan 40 lot, Kedah dan Selangor 11 lot tiap-tiap negeri dan Perak 4 lot.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan peneroka di ladang Felda yang berjumlah 353,245 hektar.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kekosongan sejumlah 1,427 lot di rancangan-rancangan Felda, saya ingin tahu berapakah jumlah, di antara jumlah yang disebutkan tadi yang dikategorikan sebagai tanah bol kerana Tuan Yang di-Pertua, tanah dikategorikan sebagai tanah bol (Lot) ini tidak diusahakan oleh mana-mana peneroka? Saya ingin tahu ke manakah perginya keuntungan hasil daripada tanah bol ini dan siapakah yang mengusahakan dan adakah cadangan kementerian untuk mengiklankan

supaya tanah-tanah bol ini diberikan kepada rakyat sebagaimana yang telah diiklankan baru-baru ini untuk diisi? Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, yang saya nyatakan tadi ialah 1,427 lot adalah lot yang ditinggalkan oleh peneroka dan tidak termasuk tanah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Buat masa ini, tanah ini dikelolakan oleh Felda sendiri.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, menyatakan bahawa lebih 353,000 hektar estet Felda Plantations masih wujud tidak dipenuhi oleh peneroka. Saya hendak tahu apakah rasional kementerian tidak memenuhkan estet-estet ini dengan peneroka-peneroka baru memandangkan begitu ramai sekali rakyat-rakyat yang hendak menjadi peneroka-peneroka FELDA?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini telah dibuat oleh kerajaan, iaitu keputusan kabinet untuk tidak mengambil peneroka bagi mengisikan ladang-ladang Felda yang saya katakan tadi berjumlah 353,000 hektar atau dalam erti kata lain 883,000 ekar. Ini adalah kerana kerajaan juga sedang mengkaji alternatif-alternatif lain cara mana yang boleh kiranya kerajaan mahu memberi mafaat kepada rakyat dari segi ladang ini. Alternatif lain iaitu kaedah yang lebih accountable, rational dan totality (RAT - rationality, accountability, dan totality) buat ketika ini kalau

sekiranya diberikan hanya kepada peneroka, kita rasakan tidak lebih daripada 80,000 peneroka sahaja yang boleh mendapat manfaat. Maksud saya, alternatifnya mungkin boleh diberikan secara berbentuk saham. Umpamanya kepada Amanah Saham Wawasan yang baru hendak ditubuhkan, Tabung Haji, Lembaga Angkatan Tentera dan sebagainya di mana manfaat daripada ladang ini dapat dimiliki oleh sebilangan besar rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa akhir-akhir ini memang banyak sekalilah permohonan-permohonan untuk memasuki dalam kawasan Felda. Sebenarnya, ianya bermusim. Ketika harga turun dahulu, boleh dikatakan ramai di antara peneroka, sampai 1,400 peneroka Felda lari daripada rancangan Felda, tetapi apabila harga kelapa sawit dan getah meningkat, maka ianya mendatangkan minat kepada anggota-anggota masyarakat dan saya percaya kiranya harga turun kembali keadaan serupa akan terjadi juga. Terima kasih.

MANGSA KEBAKARAN DI TAWAU - TINDAKAN KERAJAAN

3. **Dr. Yee Moh Chai [Tg. Aru]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan diambil oleh kerajaan tentang mangsa kebakaran di Tawau pada 2hb. Mac 1996 yang didapati majoriti daripada mereka adalah pendatang tanpa izin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebakaran di Kampung

Hidayat, Tawau, Sabah pada 2hb. Mac 1996 melibatkan sejumlah 416 keluarga dengan 358 buah rumah. Daripada itu, 296 keluarga dengan 238 buah rumah adalah penduduk Malaysia sementara 120 keluarga dengan 120 buah rumah adalah pelarian. Tindakan awal yang diambil oleh kerajaan adalah:

- (i) mendaftar mangsa-mangsa kebakaran;
- (ii) membuka/menyediakan pusat penempatan sementara mangsa-mangsa di Dewan Seri Palong, Tawau dan Bangunan Bulan Sabit Merah, Tawau;
- (iii) menyediakan makanan kepada mangsa-mangsa untuk dua hari;
- (iv) menyumbangkan bantuan bahan makanan dan peralatan dapur serta pakaian terpakai kepada mangsa-mangsa.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan dalam setahun ini, begitu banyak sekali kebakaran di negeri Sabah dan bukan sahaja di Tawau tetapi di Kota Kinabalu, dan ada aduan bahawa ini disengajakan supaya pendatang-pendatang asing memusnahkan kad-kad pengenalan yang palsu dan dengan itu cuba memohon kad yang tulen. Adakah ini benar, adakah siasatan dijalankan dan apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi supaya ini tidak timbul? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kemungkinan di antara pendatang-pendatang tanpa izin cuba-cuba menggunakan pelbagai

cara untuk mendapatkan kad pengenalan. Tetapi bagaimanapun, kerajaan ada cara-cara untuk mengelakkan mereka daripada mendapatkan kad pengenalan, terutamanya apabila mereka melaporkan kad pengenalan mereka terbakar atau hilang resit sementara yang diberikan itu tidak mempunyai taraf yang sama dengan kad pengenalan sehingga ianya disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Tetapi, kegiatan pemalsuan di Sabah boleh dikatakan agak serius dan baru-baru ini saya ada melawat, nampaknya pengesahan itu pun dipalsukan. Tetapi, kerajaan telah mengambil perhatian yang sangat serius, bukan sahaja untuk mengesan kad-kad palsu, tetapi kita terus akan menangkap pendatang tanpa izin ini untuk diusir dan satu cadangan baru sahaja dikemukakan oleh Ketua Polis Negara dan kerajaan sedang mengkaji cadangan itu.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang banyak rakyat asing yang datang tanpa izin terlibat di dalam beberapa kebakaran.

Satu lagi perkara yang saya ingin tanya ialah, adakah kementerian sedar bahawa ada juga laporan diterima yang mengatakan para pendatang tanpa izin juga sengaja membakar tempat kediaman mereka dengan harapan supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan memberi makanan dan juga tempat tinggal kepada mereka dan kalau ini betul, bolehkah Yang Berhormat

memberitahu Dewan yang mulia ini apa tindakan yang akan diambil atau adakah kementerian meneruskan pembekalan makanan kepada pendatang tanpa izin?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terlebih dahulu kena memastikan sama ada mereka ini daripada golongan pelarian yang telah pun diberi persetujuan untuk berada di situ dengan kawalan atau pun mereka itu warga kita ataupun, kalau sekiranya mereka itu didapati adalah pendatang tanpa izin yang sengaja membakar kediaman untuk mendapatkan makanan, lagi senang kita tangkap mereka. Saya rasa mereka pun pandai dan oleh sebab hendak makan beberapa hari, mereka tidak akan menyerah diri kepada pihak berkuasa.

LKIM - OBJEKTIF PENUBUHAN

- 4. Tuan Asmat Nungka [Beluran]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-
- (a) sejauh mana inisiatif kementerian berhubung peranan LKIM bagi menjalankan objektif penubuhannya; dan
 - (b) bilakah sebuah pejabat penyelidikan LKIM akan dibina di Beluran yang merupakan pengeluar hasil laut yang terbesar di Sabah

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian sentiasa mengikuti perjalanan LKIM untuk memastikan program yang dijalankan menepati matlamat dan objektif penubuhannya.

Seorang wakil dari kementerian juga telah dilantik menduduki Ahli Jemaah Lembaga yang bertanggungjawab dalam penetapan dasar pengurusan LKIM.

- (b) LKIM tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti penyelidikan. Oleh itu, tidak timbul soal cadangan LKIM untuk membina pejabat penyelidikan di Beluran, Sabah.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati pada hari ini, harga-harga ikan di pasaran tempatan begitu mahal dan naik dengan mendadak. Jadi, saya ingin tahu, adakah kenaikan harga ikan-ikan ini telah memberi keuntungan secara langsung kepada nelayan tempatan atau adakah ikan-ikan tersebut ikan yang diimport daripada luar negeri?

Dato' Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa sebelum wujudnya LKIM, harga ikan boleh dikatakan di merata tempat di negara kita adalah rendah ataupun tidak bersepadanan dengan pihak nelayan. Tetapi selepas LKIM wujud, 23 buah kompleks pendaratan ikan telah kita tubuhkan di seluruh negara kita. Jadi, dengan sebab itu, kira-kira 2,199 buah bot telah mendapat manfaat hasil pendaratan ini yang menyebabkan pemasaran ikan dapat berjalan dengan baik dan sebab itu harganya agak munasabah.

Pada saya, harga tidak melambung kerana apa yang ada pada hari ini adalah harga yang berpatutan dan sebahagian besar pendapatan ini boleh dikatakan dikongsi bersama; sebahagian keuntungan kepada nelayan dan sebahagian kepada orang tengah.

Namun demikian, saya yakin bahawa persatuan-persatuan nelayan kawasan akan mengadakan jualan langsung dari pusat-pusat pendaratan menerusi pasar-pasar tani supaya keuntungan yang diperolehi itu diharapkan dapat dinikmati hampir sepenuhnya kepada para nelayan sekalian. Jadi dengan ini bermakna 61,455 orang nelayan akan mendapat manfaat pada masa yang akan datang setelah dasar jual terus ini diperluaskan dari semasa ke semasa.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hari ini kita dapati bahawa terdapat ikan laut yang berjaya ditenak di kawasan air tawar seperti mana yang terbukti berlaku di negara sahabat kita iaitu negara Thailand. Jadi, saya ingin tahu adakah pihak kementerian ataupun pihak LKIM ada membuat usahasama projek-projek ini ataupun mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negara Thailand untuk bersama membangunkan industri ini ataupun dengan merangka pembangunan segi utara yang dicadangkan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini, kementerian saya menerusi LKIM dan juga agensi-agensi Jabatan Perikanan akan memberikan perhatian

kepada ternakan ikan air payau dan juga air tawar di mana ternakan udang harimau juga sedang diperkenalkan.

Namun demikian, ternakan ikan laut, sebagaimana Yang Berhormat katakan itu sebenarnya kita juga telah ada teknologi dan kita telah berjaya menternak ikan-ikan kerapu di beberapa tempat di negara kita. Tetapi oleh kerana pada masa ini kita sedang mencari pelabur-pelabur yang ingin melibatkan diri dalam bidang perusahaan ternakan ikan air laut ataupun ternakan ikan air payau secara besar-besaran, kerajaan tidak berhajat untuk membukakan perusahaan secara besar-besaran kerana tugas kerajaan hanya mencari teknologi dan memastikan ianya dikembangkan oleh pihak swasta, bukan oleh pihak jabatan atau agensi-agensi kerajaan yang lain.

SPM - KELULUSAN KREDIT DALAM BAHASA MALAYSIA

5. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Pendidikan menyatakan sebabnya mengapa kelulusan kredit dalam Bahasa Inggeris sebagai perkara yang wajib untuk lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menjadikan kelulusan kredit dalam Bahasa Inggeris sebagai syarat untuk mendapat Sijil Pelajaran Malaysia. Hanya mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja diwajibkan lulus sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan sijil tersebut.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berhubung dengan pengeluaran sijil kepada lulusan sekolah. Sistem yang kita ada sekarang ialah berlandaskan sistem yang kita terima daripada pihak Inggeris dahulu iaitu kita kena lulus beberapa agregat dan beberapa subjek dalam satu peperiksaan, baru kita diberi sijil dan ini telah merugikan oleh kerana ramai yang tidak lulus di dalam sesuatu perkara itu, tetapi lulus dalam satu perkara dengan baik tidak boleh menyambung pelajaran.

Jadi, soalan saya, adakah kementerian bercadang supaya sistem pengeluaran sijil yang sedemikian patut diubah, umpamanya kalau orang hendak buat engineering, dia lulus dalam Matematik dan subjek-subjek yang related dengan jurusan yang hendak dikaji di universiti, patut diberi peluang masuk universiti, bukan berlandaskan kelulusan certificate sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita masih mengamalkan sistem yang ada. Kecualilah ada satu sebab-sebab yang terpenting dan betul-betul perlu, waktu itu mungkin boleh kita teliti pandangan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan mutu dan standard bahasa Inggeris dengan

menjadikannya satu perkara wajib untuk mendapat Gred Satu, bukan untuk mendapat sijil tetapi untuk mendapat Gred Satu dalam SPM. Mengapakah hasrat Perdana Menteri ini masih belum dilaksanakan sekarang dan apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan sekarang untuk meningkatkan taraf mutu bahasa Inggeris supaya ia setaraf dengan jiran-jiran kita sebagai satu bahasa pengantar dalam dunia perniagaan di peringkat antarabangsa?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang ada pandangan-pandangan yang bertujuan pokoknya untuk cuba mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan murid-murid dan pelajar-pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris dengan tahap yang lebih menonjol. Namun demikian, sama ada taraf (status) yang ada sekarang ini perlu diambil tindakan sampai ke tahap demikian, adalah satu perkara yang boleh diteliti dan diambil satu-satu keputusan yang munasabah sekiranya keadaan itu perlukan kepada tindakan demikian.

Pokoknya, walaupun perkara itu ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu satu pandangan yang bertujuan untuk merangsang, mendorong terutama sekali pelajar-pelajar kita supaya cemerlang dalam mata pelajaran tersebut.

BUKU/KOMIK BERUNSUR SEKS DAN GANAS - PENJUALAN

6. **Tuan Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa penjualan buku atau komik yang mengandungi unsur-unsur seks dan keganasan telah meningkat ke satu tahap yang membimbangkan; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ke atas penjual-penjual buku atau komik yang mengandungi unsur-unsur seks dan keganasan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa terdapat di pasaran penerbitan dalam bentuk buku atau komik yang ada mengandungi unsur-unsur seks dan keganasan, tetapi ianya tidaklah sampai ke tahap yang di luar kawalan ataupun terlalu membimbangkan kerana penerbitan berkenaan adalah merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan penerbitan yang ada di pasaran.
- (b) Kementerian Dalam Negeri akan terus mengawasi pengedaran buku-buku, komik-komik dan penerbitan-penerbitan lain yang ada mengandungi unsur seks dan keganasan di pasaran. Tindakan merampas buku-buku, komik-komik dan penerbitan-penerbitan yang berkenaan akan dibuat sekiranya ada dijual di pasaran. Di samping itu, tindakan undang-undang di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 dan Kanun Keseksan juga boleh diambil ke

atas penjual-penjual buku dan komik sekiranya mereka menjual buku, komik dan penerbitan lucah atau yang telah pun diharamkan.

Tuan Chia Kwang Chye: Apakah sumber bekalan buku komik itu? Saya difahami bahawa kebanyakan adalah dari negara-negara luar dan jika ya, bagaimana buku-buku seperti ini dapat diimport atau dibawa masuk secara besar-besaran?

Tuan Ong Ka Ting: Buku-buku yang dimaksudkan, saya rasa buku yang dilarang, maknanya yang lucah ataupun yang tidak ada permit penerbitan. Daripada siasatan peringkat awal ini, kebanyakan buku-buku itu adalah dihasilkan bukan diimport. Buku-buku itu adalah kebanyakan dicetak oleh pencetak-pencetak yang tidak bertanggungjawab. Mereka bawa masuk contoh ataupun filem-filem, kemudian mereka cetak di sini seolah-olah macam buku itu adalah dicetak di luar supaya apabila dipasarkan, pembaca atau peminat fikir itu benar-benar original daripada negara asalnya.

Tetapi walau bagaimanapun, kerajaan terutamanya pihak Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha untuk mengesan culprit, kita akan ambil tindakan sebaik sahaja bukti cukup.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sama ada pihak kementerian akan meminda Akta Mesin Cetak supaya

dapat mengadakan penalti yang lebih berat terhadap penerbit buku-buku yang berunsur seks dan keganasan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang dalam proses sedang mengkaji pindaan ini dan walaupun belum ada satu keputusan yang kukuh tetapi nampaknya itulah jadi satu cara kita boleh menjadikan mereka ini lebih takut kalau kita tambahkan hukuman dari segi denda ataupun tempoh penjaranya.

KERETA NASIONAL - PENGELUARAN OLEH SYARIKAT LAIN

7. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan selain dari Syarikat EON yang mengeluarkan kereta Proton, adakah kerajaan bercadang untuk meluluskan syarikat lain untuk mengeluarkan kereta nasional supaya mereka lebih berdaya saing dan secara tidak langsung dapat mencegah kenaikan harga yang tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat EON tidak mengeluarkan kereta PROTON. Syarikat EON hanyalah merupakan pengedar kereta-kereta tersebut yang dikeluarkan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (PROTON Berhad).

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, setelah kerajaan meluluskan Syarikat Proton bagi mengeluarkan kereta nasional pertama pada

tahun 1983; pada tahun 1991 Syarikat Perodua telah diluluskan untuk mengeluarkan kereta nasional kedua, Perodua Kancil. Ini diikuti pula dengan pengeluaran berbagai model dan juga varian kereta nasional yang dikeluarkan oleh kedua-dua syarikat ini dan hasil usaha sama Syarikat Proton dengan Syarikat DRB Sdn. Bhd. (USPD) untuk mengeluarkan Proton Satria serta Proton Tiara.

Dengan usaha sebegini, dapatlah dipastikan bahawa kereta nasional terus bersaing secara sihat di pasaran tempatan. Di samping itu, kerajaan akan juga terus mengawal selia industri kereta motor untuk memastikan agar syarikat-syarikat pengeluar kereta nasional mempunyai program bagi mengurangkan kos pengeluaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum lagi bercadang untuk meluluskan syarikat-syarikat lain untuk mengeluarkan kereta nasional.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin tahu apakah rasionalnya kerajaan membenarkan kenaikan harga kereta nasional Proton Saga melambung begitu tinggi dalam masa yang begitu singkat?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan sentiasa seperti yang saya sebutkan tadi, mengawal selia

supaya harga-harga kereta Proton ini tidak melambung tinggi dan kenaikan harga kereta Proton sebenarnya berpunca daripada beberapa sebab utama.

Pertamanya, peningkatan harga jualan bagi bungkusan dengan izin, Completely-Knocked-Down (CKD), yang diimport oleh Proton dari negeri Jepun. Keduanya, daripada perubahan kadar tukaran mata wang asing dan ketiganya, kenaikan harga komponen Proton yang dibekalkan oleh pengilang-pengilang tempatan sendiri, kesan daripada peningkatan harga import dan tukaran mata wang asing seperti yang saya sebutkan tadi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kelmarin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengumumkan bahawa 60% daripada komponen tempatan dalam industri kereta ini telah tercapai. Maksudnya kita sudah boleh keluarkan 60%.

Jadi, memandangkan kita tengok harga-harga kereta tempatan sekarang ini naik, bilakah ataupun apakah rancangan kementerian untuk memastikan kita dapat mempertingkatkan lagi pengeluaran komponen-komponen tempatan ini daripada 60% sampai ke 100%? Jadi, sekurang-kurangnya pertukaran mata wang asing dan sebagainya yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat yang segak ini supaya dapat harga kereta-kereta tidak naik. Jadi, itulah saya minta.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, peratusan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah secara keseluruhan untuk industri ini dan sekiranya kita mengkaji secara lebih

terperinci, peratusan ini lebih tinggi untuk model-model tertentu. Sebagai contoh pencapaian kandungan tempatan bagi Proton Wira melebihi 85% dan.....

Seorang Ahli: Sila duduk!

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ya! *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Boss dia sudah ada.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Boss ada 'jam' sedikit.
[Ketawa]

Seorang Ahli: Tunggu boss barulah! *[Ketawa]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa seperti saya sebutkan tadi mengawal selia dan berusaha untuk meningkatkan lagi tahap dan jumlah syarikat-syarikat tempatan untuk mengeluarkan barangan-barangan tempatan sebagai komponen kepada kereta Proton ini. Tetapi pada masa yang sama kita harus terima bahawa tidak mungkin kita dapat mencapai 100% kandungan tempatan, kerana seperti komponen-komponen sofistikated seperti transmisi dan komponen system brake.

Memandangkan kita memerlukan perbelanjaan modal yang begitu tinggi, memerlukan tenaga kerja yang mahir dan memandangkan kepada

pasaran dalam negeri yang begitu terhad, mungkin tidak ekonomik untuk dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan. Maka kerajaan telah membuat pendekatan bahawa selain daripada berusaha untuk menambah bilangan komponen tempatan, kita juga telah berusaha untuk mendapatkan sumber komponen daripada negara-negara jiran dan juga untuk menerokai sumber-sumber komponen atau produk yang berdaya saing daripada pasaran antarabangsa, dengan izin, global sourcing. Dalam usaha ini kita telah menubuhkan international purchasing officers, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan bekalan komponen kecil dan juga bahan-bahan mentah dengan cepat, dengan harga yang berpatutan, dengan secara terus daripada negara-negara berkenaan, dengan usaha-usaha ini kita berharap bahawa ianya dapat membantu mencegah kenaikan harga yang lebih tinggi.

PROJEK PEMBINAAN JALAN RAYA SERIAN/TEBEDU/SEMPADAN INDONESIA - SEBAB KELEWATAN

8. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab mengapa Projek Pembinaan Jalan Raya Serian/Tebedu/Sempadan Indonesia tidak dapat siap mengikut jadual, khususnya di Seksyen C.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Jalan Raya Serian/Tebedu/Sempadan Indonesia sepatutnya siap pada 24hb. November 1995. Walau bagaimanapun, kontraktor telah gagal menyiapkan projek ini sepertimana yang terkandung di dalam perjanjian.

Kemajuan pembinaan sebenar sehingga ini ialah 88%. Kelewatan kerja-kerja pembinaan berlaku di Seksyen C, yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 12 kilometer. Jajaran bagi seksyen ini terletak di kawasan di mana hujan kerap berlaku dan ini telah menjejaskan kerja-kerja tanah dan pembinaan asas jalan.

Selain daripada itu kontraktor juga menghadapi masalah bekalan simen yang menyebabkan kerja-kerja pembinaan jambatan dan pembetung telah tergendala. Masalah lain yang dihadapi oleh kontraktor ialah kekurangan tenaga kerja dan kerosakan jentera pembinaan yang kerap berlaku di mana purata bilangan jentera yang rosak ialah 17%.

Bagi mengatasi kelewatan ini, Jabatan Kerja Raya Sarawak telah menubuhkan satu pasukan teknikal yang terdiri dari pegawai JKR Sarawak, juruperunding dan kontraktor yang bertujuan untuk mengawal dan membuat pengawasan rapi terhadap kemajuan kerja projek ini setiap minggu. Dalam pada itu JKR Sarawak juga telah mengarahkan kontraktor mempercepatkan kerja-kerja pembinaan dengan mengadakan lebih ramai tenaga pekerja dan memperbanyakkan alat-alat jentera, pembinaan untuk mempercepatkan lagi kerja-kerja tanah di Seksyen C dan kerja-kerja pembinaan jambatan. Kontraktor juga telah membuat penjadualan semula kerja-kerja pembinaan. Berdasarkan kepada jadual kerja yang baru, kerja-kerja pembinaan dijangka dapat disiapkan pada bulan Julai 1996.

**INSTITUT PENGAJIAN TINGGI - KES SERIUS MELIBATKAN
PELAJAR/TENAGA AKADEMIK/PENTADBIR**

9. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Pendidikan menyatakan kes-kes serius yang berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi yang melibatkan pelajar, tenaga akademik dan pentadbiran dari sudut:

- (a) moral dan disiplin;
- (b) jenayah;
- (c) salahguna kuasa dan penyelewengan; dan
- (d) lain-lain kesalahan berat mengikut pecahan institusi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan kes disiplin di kalangan pelajar IPT tempatan yang dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan adalah yang melibatkan kesalahan-kesalahan ringan sahaja seperti meniru di dalam peperiksaan, membawa nota ke dalam peperiksaan, tidak hadir kuliah dan beberapa kesalahan kecil yang lain.

Mengenai dengan kes tatatertib di kalangan tenaga akademik, setakat ini tidak ada kes-kes serius yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat berhubung dengan kes-kes ini maklumat-maklumat tersebut bolehlah disampaikan kepada Kementerian Pendidikan untuk siasatan dan tindakan sewajarnya diambil.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan, dari jawapan yang diberikan memperlihatkan bahawa semua

IPT mempunyai mahasiswa yang baik-baik belaka. Tetapi terdapat sebuah laporan media yang menyebutkan bahawa terdapat sebuah IPT yang mengambil pelajar-pelajar di peringkat antarabangsa, yang membakar asrama mereka sendiri dan juga memecah rumah serta melakukan kejadian kecurian di luar kampus. Jadi, sejauh mana benarnya kenyataan ini dan jika benar apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan, di peringkat universiti-universiti kita, kita mempunyai apa yang dipanggil sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar, yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Di ITM pula badan yang serupa dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar. Sebarang kejadian yang berlaku diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar tersebut. Mana-mana kes yang bercorak jenayah, maka kes-kes tersebut diambil tindakan melalui undang-undang yang ada di negara kita ini.

Sebarang masalah yang timbul di IPT-IPT awam kita ini, diuruskan oleh pihak berkuasa tatatertib pelajar seperti yang saya katakan tadi dan kita tidak sampailah mengatakan tidak ada langsung, tetapi pokoknya kalau ada yang melibatkan kegiatan-kegiatan seperti disebutkan oleh Yang Berhormat itu, maka tindakan-tindakan itu ada diambil di peringkat universiti itu sendiri.

**PASUKAN POLIS HUTAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PPH) -
CADANGAN TUGAS MERONDA**

10. Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerangkan kepada dewan jika kementerian berhasrat untuk menggunakan tenaga kerja yang terdapat di Pasukan Polis Hutan Polis DiRaja Malaysia (PPH) untuk menjalankan tugas meronda dan menguatkuasa undang-undang melindungi alam sekitar seperti mengawasi pembuangan bahan sisa toksik, tumpahan minyak dan lain-lain lagi memandangkan perbuatan-perbuatan begini semakin meluas.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah pun menurunkan kuasa kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, Tentera Udara DiRaja Malaysia, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dan Jabatan Laut Sabah dan Sarawak untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1974 bagi mengawal pembuangan minyak dan buangan toksik di perairan Malaysia. Kementerian ini akan menurunkan kuasa kepada Pasukan Polis Hutan, Polis Di Raja Malaysia jika diperlukan untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada kementerian mempunyai kakitangan penguatkuasaan yang mencukupi untuk melaksanakan undang-undang yang telah diluluskan, jika tidak, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan kakitangan penguatkuasa ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kakitangan yang ada memanglah belum mencukupi. Usaha-usaha untuk mengambil dan menambahkan kakitangan memang sedang dijalankan.

IKLAN JUALAN LANGSUNG DI TV - DASAR

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah wujud suatu dasar pengiklanan ke atas jualan langsung atau jualan melalui pos yang disiarkan oleh RTM mahupun TV3; dan
- (b) adakah Kementerian Penerangan bercadang untuk menswastakan agensi-agensi di bawahnya dan jika ada agensi manakah yang hendak diswastakan.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin

Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan:

- (a) Perbincangan sedang dijalankan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai iklan jualan langsung ini. Satu dasar yang tetap akan disediakan untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengiklan-pengiklan jualan langsung.
- (b) Kementerian Penerangan sememangnya mempunyai rancangan untuk mengkorporatkan sebahagian daripada agensi dan perkhidmatan-perkhidmatan sesuatu agensi di bawah kawalannya terutama sekali agensi-agensi dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang mempunyai potensi

untuk menampung kos pengoperasiannya setelah dikorporatkan kelak. Agensi yang telah diputuskan untuk dikorporatkan ialah BERNAMA. Manakala agensi yang dalam peringkat kajian ialah Filem Negara Malaysia dan FINAS serta perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kementerian atau agensi-agensi di bawahnya.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA - KUATKUASA BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI BAHASA PENGANTAR

12. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar telah diarahkan untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya sejajar dengan peruntukan Akta Pendidikan yang diluluskan baru-baru ini. Bilakah penguatkuasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini akan bermula.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan dalam Rang undang-undang Pendidikan Swasta 1995 belum dikuatkuasakan lagi. Oleh itu, peruntukan mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan tinggi swasta dijangka akan dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 1996 ini.

TABUNG RAYUAN RAKYAT CHECHNYA - RANCANGAN

13. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menganjurkan tabung rayuan seperti yang dilakukan kepada Bosnia untuk rakyat Chechnya yang dicerobohi tentera Rusia; dan
- (b) apakah pendirian Malaysia terhadap sikap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang tidak berbuat apa-apa untuk membantu rakyat Chechnya.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan kita tidak ada rancangan untuk menubuhkan sebuah tabung untuk orang-orang Chechnya. Chechnya adalah sebahagian daripada negara Rusia. Oleh itu, Chechnya merupakan satu isu dalaman bagi Persekutuan Russia (Russian Federation).
Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menghalang badan-badan bukan kerajaan yang secara sukarela menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa peperangan di Chechnya.
- (b) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui agensi-agensinya telah mengambil berbagai tindakan dalam menangani isu Chechnya. UNHCR, umpamanya telah memberi bantuan makanan, perubatan dan tempat

perlindungan kepada orang-orang yang terpaksa berpindah akibat peperangan di Chechnya itu. Malaysia telah menyumbangkan sejumlah US\$50,000 kepada UNHCR di Geneva untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya di Chechnya.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga dalam sesinya yang ke-51 telah sebulat suara mengeluarkan kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB mengutuk segala pencabulan hak asasi manusia di Chechnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat hari ini adakah mana-mana badan NGO dan sebagainya, badan-badan bukan kerajaan telah memberikan ataupun mewujudkan apa-apa tabung. Kalau boleh, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan berapakah jumlah sumbangan ataupun kewangan yang telah dihulurkan kepada kerajaan Chechnya setakat hari ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah badan sukarela di Malaysia ini, iaitu ABIM, sebagaimana yang kita tahu, yang telah berusaha memberi bantuan kepada orang-orang Chechnya. Tetapi pada waktu ini kita belum dimaklumkan berapakah banyak wang dikutip untuk tujuan berkenaan.

SUMBER AIR TAWAR - JUMLAH

14. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah sumber air tawar di negara kita yang dapat digunakan oleh rakyat dan taburan sumber air tawar ini di seluruh negara; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk menjamin pembekalan sumber air yang cukup dan bersih pada masa depan memandangkan pembangunan ekonomi dan perkembangan penduduk yang begitu pesat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) curahan hujan purata tahunan di Malaysia ialah 3,540 milimeter, dan ini menghasilkan 566 bilion meter padu setiap tahun sebagai air larian permukaan kepada sungai-sungai. Pada masa sekarang jumlah penggunaan air untuk keperluan domestik industri dan pertanian ialah dalam lingkungan 12 bilion meter padu setahun. Keperluan ini dijangka meningkat kepada 15 bilion meter padu setahun menjelang tahun 2000. Dengan ini, dapat dilihat bahawa jumlah sumber air jauh melebihi jumlah keperluan penggunaan air dan cukup untuk menampung peningkatan keperluan. Walau bagaimanapun, kerana taburan curahan

hujan tidak segaram dari segi masa dan kawasan terdapat pada masa-masa tertentu, beberapa kawasan atau wilayah di negara yang akan mengalami kekurangan air untuk mengatasi masalah ini. Lima puluh enam empangan telah dibina untuk menakung air bagi kegunaan pengairan, bekalan air dan tenaga hidro. Selain dari itu, lebih banyak loji empangan akan dibina di masa hadapan.

- (b) Untuk menjamin pembekalan sumber air yang cukup dan bersih pada masa hadapan, kerajaan akan memastikan bahawa dalam mengejar perkembangan ekonomi, perhatian yang cukup akan diberi kepada pemeliharaan alam sekitar dan ekologi supaya kedayatahan jangka panjang pembangunan negara terjamin. Langkah-langkah yang telah diambil untuk tujuan itu termasuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Pindaan) 1985 untuk mengawal pembuangan bahan pencemaran ke dalam sungai. Akta ini juga menghendaki sesiapa yang hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan mengemukakan sesuatu laporan penilaian kesan kepada alam sekitar untuk dipertimbangkan. Di samping itu, Akta Perhutanan Kebangsaan 1984 (Pindaan)

1993, seksyen 20B menghendaki permohonan pemohon lesen pembekalan pembalakan untuk menyediakan sesuatu pelan pengurusan hutan yang dirangkumi rancangan mengusaha hasil hutan dan rancangan perhutanan semula keperluan untuk mengelakkan hakisan tanah dan langkah-langkah kawalan pada biasanya dimasukkan di dalam rancangan-rancangan tersebut.

Selain daripada itu, kerajaan juga sedang menjalankan kajian awal mengenai cadangan pemindahan air mentah antara negeri-negeri untuk wilayah utara dari Perak ke Kedah, Pulau Pinang dan Wilayah Tengah, dari Pahang ke Selangor. Tujuannya ialah untuk mengagihkan sumber air kepada negeri-negeri yang tidak mempunyai sumber air yang mencukupi pada masa-masa akan datang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri tentang rancangan Kerajaan Pusat untuk menswastakan perkhidmatan bekalan air ke seluruh negara. Sejauh manakah penswastaan ini akan membolehkan negeri-negeri yang tidak memperolehi atau mempunyai sumber air yang mencukupi, mendapat air mentah dengan harga yang munasabah. Bukan sepertimana yang berlaku di Melaka, di mana negeri Johor telah menjualkan air mentah kepada negeri Melaka dengan harga yang

lebih tinggi daripada harga yang mereka jual kepada sebuah negara asing, iaitu Singapura. Adakah ini selari dengan semangat Malaysia yang kita memupuk di kalangan rakyat kita?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk menswastakan bekalan air diletakkan dalam tangan kerajaan. Tiap-tiap kerajaan mempunyai kuasa untuk menswasta. Walau bagaimanapun, mereka mesti merujuk perkara-perkara itu kepada Kerajaan Pusat untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan. Selain daripada itu, Kerajaan Pusat tidak mengadakan apa-apa rancangan untuk menswastakan air di Semenanjung, dan kita tidak mempunyai kuasa. Oleh kerana seperti apa yang saya katakan tadi kuasa itu diletakkan pada kerajaan-kerajaan negeri.

KEMALANGAN PENGANGKUTAN LAUT - JUMLAH

15. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah kemalangan pengangkutan laut sepanjang tiga tahun kebelakangan ini bagi setiap negeri. Dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemalangan kapal yang dilaporkan bagi setiap negeri bagi tempoh 3 tahun daripada 1993 hingga 1995, adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah kemalangan
Perlis	0

Kedah	12
Pulau Pinang	5
Perak	10
Selangor	38
Negeri Sembilan	4
Melaka	13
Johor	18
Pahang	12
Terengganu	14
Kelantan	4
Sarawak	5
Sabah	5

Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan menjadikan perairan di Malaysia adalah antara yang terselamat. Oleh itu, langkah-langkah sentiasa diambil ke arah ini. Ini termasuklah memperketatkan undang-undang yang mengawal keselamatan perairan dan juga meningkatkan tindakan penguatkuasaan bagi menentukan kapal-kapal sentiasa mematuhi undang-undang negara.

Tambahan dari di atas, setiap kapal yang masuk ke pelabuhan-pelabuhan di Malaysia akan diperiksa oleh Jabatan Laut bagi menentukan sijil-sijil keselamatan serta keperluan-keperluan keselamatan lain adalah teratur.

Pihak kerajaan juga telah mempertimbangkan keupayaan operasi mencari dan menyelamat di laut yang mana akan membolehkan mangsa-mangsa kemalangan diberi pertolongan dengan lebih pantas, cekap dan berkesan. Di dalam hubungan ini, kerjasama pelbagai agensi kerajaan telah

dipersetujui dan akan membolehkan kemudahan asses dengan lebih cekap dapat dilakukan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa kapal berlanggar - bolehkah saya mendapat tahu apakah jenis-jenis kapal yang berlanggar itu? *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis kapal yang berlanggar adalah kapal perdagangan dan juga kapal-kapal bot nelayan. Yang terbanyak sekali, iaitu lebih daripada 50% adalah bot-bot nelayan. Ini adalah akibat penguatkuasaan yang lebih cekap dilakukan oleh Jabatan Laut, maka lebih banyak kapal-kapal ataupun bot nelayan yang telah dapat ditemui dan inilah yang menyebabkan banyak perlanggaran berlaku pada tahun-tahun yang lepas seperti yang telah saya sebutkan.

Saya percaya dengan tindakan-tindakan yang lebih kerap dilakukan oleh Jabatan Laut, maka perlanggaran di laut akan dapat dikurangkan pada tahun-tahun yang akan datang.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu bahawa kebanyakan kemalangan ialah bot-bot nelayan. Tetapi bot-bot nelayan juga telah pun, dari masa kesemasa membawa penumpang-penumpang seperti pelancong dari luar negeri dan tempatan. Apakah ada rancangan kerajaan untuk memberi permit khas pada waktu-waktu

tertentu untuk mereka ini membawa pelancong dan keselamatan mereka terjamin oleh peraturan ini? Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini hanya bot pelancong sahaja dibenarkan membawa pelancong dan kerajaan belum ada lagi rancangan untuk membenarkan bot-bot nelayan membawa pelancong.

**KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AID (KAFA) -
KRITERIA LANTIKAN**

16. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah rasional pemilihan dan perlantikan guru-guru fardhu ain di sekolah-sekolah kebangsaan sama ada berdasarkan kelulusan atau parti politik. Kalau berdasarkan kelulusan apakah sijil yang diperlukan; dan
- (b) berapakah peruntukan per kapita kepada setiap seorang murid sekolah, bilakah dilaksanakan khususnya di sekolah agama di Kelantan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Abdul Hamid bin

Othman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perlantikan guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) tidak berdasarkan kepada pertimbangan politik tetapi berdasarkan kepada ilmu dan keupayaan seseorang calon untuk memberikan pelajaran dan pengajaran yang sesuai kepada pelajar-pelajar. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sebagai

agensi yang diamanahkan untuk mengendalikan kelas ini telah mengeluarkan garis panduan yang antara lainnya seperti berikut:

(i) guru-guru KAFA perlu dilantik dari kalangan guru-guru yang boleh menulis jawi dan rumi supaya mereka dapat menyampaikan pengajarannya melalui kedua-dua bentuk tulisan tersebut.

(ii) tenaga pengajar yang mempunyai pengetahuan di atas, boleh didapati dari kalangan guru-guru Al-Quran yang sedia ada, imam-imam, bilal-bilal, guru-guru agama sekolah rakyat dan guru-guru agama kerajaan dari Kementerian Pendidikan. Kelayakan ini akan dikaji dan semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian.

(b) Peruntukan perkapita kepada seorang murid di sekolah menengah agama rakyat adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Perkapita Seorang Murid
Sekolah Rendah Agama Rakyat	- M60.000
Sekolah Menengah Rendah hingga PMR	- RM90.00
Sekolah Menengah Atas	- RM120.00

Pelaksanaan bantuan perkapita ini bermula pada tahun 1993 ke seluruh negara. Bantuan ini di bawah peruntukan Kementerian Pendidikan dengan penyelarasan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 46 akan dicetak dalam buku yang berasingan]

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 - 2000

3.36 ptg.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacita saya berdiri di hadapan Dewan yang mulia untuk mengemukakan satu Usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan dalam meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan mengejar matlamat-matlamat yang terkandung dalam Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk mencapai matlamat dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia supaya mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tempoh 1996 - 2000 untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, kita melancarkan satu lagi rancangan lima tahun Malaysia, iaitu yang ketujuh dalam siri rancangan lima tahun negara. Rancangan Malaysia lima tahun sudah tidak asing lagi bagi Dewan ini dan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya. Bahayanya ialah, kita mungkin memandang ringan akan rancangan dan pembentangan ini dan tidak menganggapnya sebagai penting. Sikap demikian merupakan satu kesilapan kerana rancangan lima tahun negara adalah amat penting kepada pembangunan negara. Sesungguhnya kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini, pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% setahun, pendapatan penduduk termasuk kakitangan kerajaan yang kian meningkat, adalah hasil daripada pelaksanaan rancangan-rancangan ini.

Banyak negara, termasuk negara-negara komunis dan sosialis, merancang ekonomi mereka mengikut perancangan pembangunan lima tahun, tetapi sepertimana kita semua ketahui, banyak negara yang tidak dapat menghasilkan pencapaian seperti yang diharapkan. Kebanyakan mereka gagal. Sebahagiannya tidak benar-benar dilaksanakan dan tinggal sebagai dokumen hiasan sahaja.

Tetapi di Malaysia, kita tidak sahaja merancang, kita melaksanakannya. Unit Perancang Ekonomi (UPE) bukan sahaja merangka rancangan untuk lima tahun dan rancangan tahunan tetapi juga merangka setiap projek atau program. Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (UPP) pula mengawalselia pelaksanaan dan penyelarasan bagi setiap rancangan dan melaporkan kepada kerajaan kemajuannya dan masalah-masalah supaya perubahan dan penyesuaian dapat dilakukan di mana perlu, bagi mencapai matlamat seperti yang dikehendaki.

Bilik Gerakan yang direkabentuk mengikut Bilik Perang yang digunakan semasa kita memerangi gerila komunis telah dibekalkan dengan kemudahan komputer dan sistem maklumbalas yang canggih supaya apa sahaja yang

berlaku di dalam negara akan dapat diawasi dari peringkat pusat. Rancangan pembangunan kita dirangka untuk mendatangkan manfaat. Rancangan ini diterjemahkan dalam bentuk program dan projek yang dapat dilihat dan dinikmati oleh rakyat.

Di Malaysia, kita bukan sahaja mempunyai rancangan lima tahun tetapi juga Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang dapat membantu kita menumpukan usaha dalam mencapai matlamat negara yang jelas. RRJP pertama yang telah dilaksanakan dalam tempoh 1971-1990 bertujuan mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi sebagaimana yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru.

RRJP kedua yang dirancang bagi tempoh 1991-2000 memberi penekanan yang lebih bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Dasar ini merupakan satu pengubahsuaian kepada DEB dengan menggunakan pendekatan yang berbeza. Kita sedang berada dalam separuh tempoh kedua RRJP kedua ini. Sungguhpun begitu, banyak yang telah dicapai. Ini membuktikan dasar yang kita laksanakan adalah tepat.

Namun, sewaktu melancarkan DPN, kita telah pun menentukan objektif pembangunan untuk jangka yang lebih panjang, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, yakni dalam tempoh tiga puluh tahun mulai daripada tahun 1990. Matlamat ini merupakan satu cita-cita

yang amat besar, tetapi kita yakin bahawa ianya bukanlah suatu impian semata-mata.

Dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru, ekonomi kita berkembang pada kadar 6.7% setahun, walaupun kita terpaksa melaksanakan program penyusunan semula ekonomi. Bagi mencapai taraf sebuah negara maju, ekonomi kita perlu tumbuh pada kadar purata 7% setahun selama tiga puluh tahun, iaitu hanya 0.3% lebih tinggi daripada pertumbuhan yang dicapai dalam tempoh dua puluh tahun Dasar Ekonomi Baru. Kita percaya kita boleh mencapai sasaran ini, memandangkan kita telah mencapai pertumbuhan purata sebanyak 8.7% setahun bagi lima tahun pertama Wawasan 2020.

Walau bagaimanapun, kejayaan yang kita capai ini telah mengubah asas-asas ekonomi kita. Pada tahun-tahun awal proses perindustrian negara, kita menghadapi masalah kadar pengangguran yang tinggi. Kita telah menjadikan faktor ini sebagai modal dengan menumpukan kepada industri berintensif buruh. Benar, kos buruh kita lebih tinggi berbanding dengan negara-negara jiran, tetapi kita mempunyai kelebihan lain yang dapat mengatasi masalah ini. Kita punyai kestabilan politik, pentadbiran yang cekap dan tahap rasuah yang rendah. Ini ditambah dengan kerajaan menawarkan pengecualian cukai korporat dan cukai-cukai lain sehingga sepuluh tahun. Tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, kita juga membenarkan penubuhan syarikat-syarikat milik asing

seratus peratur. Selain daripada itu, pekerja kita mudahsuai, mudah dilatih dan produktif.

Tumpuan kepada pengurangan pengangguran begitu berjaya sehingga hari ini kita kekurangan tenaga buruh secara yang ketara. Penggunaan pekerja asing bukanlah satu penyelesaian bagi masalah ini. Kita ingin bergantung kepada rakyat kita supaya sebahagian besar faedah daripada dasar perindustrian dinikmati oleh rakyat. Penghantaran keluar wang oleh pekerja asing merupakan satu kerugian kepada negara kita.

Di samping kekurangan buruh, kita sekarang menghadapi defisit yang besar dalam imbangan pembayaran. Masalah ini sebahagian besarnya berpunca daripada import barangan modal yang mana pada masa akan datang akan membantu meningkatkan eksport negara. Memandangkan pelaburan akan terus berkembang, maka import barangan modal akan berterusan. Perkembangan ini akan terus memberi kesan negatif kepada imbangan pembayaran.

Dengan adanya kedua-dua masalah ini, kita perlu mengubah penekanan daripada perwujudan peluang pekerjaan dan penggantian import kepada industri berintensif modal dan teknologi yang sebahagian besar keluarannya untuk pasaran eksport.

Perwujudan peluang pekerjaan akan diganti dengan penjimatan penggunaan buruh dan memaksimumkan kualiti dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh tenaga kerja kita. Industri-industri baru perlu menggunakan

sistem automasi dan robotik. Sebahagian besar tugas pekerja ialah mengawal selia mesin dan robot dan mereka perlu mahir dalam penyelenggaraannya. Sudah tentu mereka perlu dilatih semula. Dengan memiliki kemahiran baru ini, mereka boleh menjangka akan mendapat upah yang lebih lumayan. Kita yakin pekerja kita berkeupayaan untuk meningkatkan atau mempelajari kemahiran baru dan menjadi lebih produktif.

Dalam usaha untuk mengatasi defisit imbalan pembayaran, import akan dikurangkan. Ini bermakna mengurangkan import yang tidak perlu dan mengeluarkan sendiri kebanyakan keperluan kita dan komponen dalam barangan keluaran, sama ada untuk penggunaan tempatan ataupun eksport.

Eksport kita perlu ditingkatkan lagi. Sebelum ini, industri tempatan hanya menumpukan kepada pasaran tempatan dan mengeluarkan barangan gantian import. Kini, kita perlu mengeksport sebahagian besar keluaran kita bagi mengimbangi dagangan negara. Dunia akan menjadi pasaran kita dan untuk menjadi kompetitif, kita perlu mengeluarkan barangan secara besar-besaran untuk mencapai ekonomi skala.

Kita beruntung kerana rakyat Malaysia telah mempelajari industri pembuatan dan telah mengumpul modal secukupnya bagi membolehkan mereka menubuhkan industri pembuatan yang berkualiti secara besar-besaran.

Kejayaan strategi baru ini akan bergantung kepada kestabilan politik dan sosial, hubungan perindustrian yang baik dan dedikasi yang bukan sahaja untuk

kepentingan diri tetapi juga untuk matlamat negara. Adalah perlu sentiasa diingatkan bahawa apabila seseorang membantu mencapai matlamat negara, ianya akan membantu mencapai matlamat dirinya sendiri. Sebaliknya, jika setiap individu hanya mementingkan untuk memaksimumkan pendapatan dirinya sahaja, sama ada ia seorang majikan ataupun pekerja, ia akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara dan seterusnya kepada diri sendiri.

Kerajaan telah beberapa kali mengubah halatuju dan strategi dalam usaha untuk mengatasi masalah yang kadangkala berpunca daripada kejayaan dasar yang telah dilaksanakan. Disebabkan kejayaan dasar intensif buruh, negara sekarang mengalami kekurangan buruh. Oleh itu, dasar intensif buruh perlu diganti dengan dasar industri berintensif modal dan teknologi yang memerlukan bilangan pekerja yang sedikit sahaja.

Peralihan kepada industri berintensif modal dan teknologi dan penggalakan industri pembuatan berskala besar yang menjadikan dunia sebagai pasarannya, dijangka dapat menangani masalah kekurangan tenaga pekerja dan defisit imbalan dagangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengimbas kembali pencapaian ekonomi Malaysia bagi tempoh lima tahun yang lepas. Ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar pada kadar 8.7 peratus setahun, mengatasi sasaran Rancangan Malaysia Keenam yang disemak semula, iaitu 8.1 peratus setahun. Pertumbuhan yang

pesat ini telah meningkatkan pendapatan per kapita daripada RM6,099 pada tahun 1990 kepada RM9,786 pada tahun 1995. Peningkatan pendapatan ini, berserta dengan kadar inflasi yang rendah, telah menyebabkan peningkatan yang besar dalam kuasa beli ataupun 'purchasing power' rakyat negara kita. Ini jelas dilihat daripada peningkatan dan perkembangan pesat gedung-gedung jualan, perumahan dan pengangkutan persendirian. Bilangan mereka yang berpendapatan pertengahan telah bertambah dengan banyak manakala golongan berpendapatan rendah pula menikmati kuasa beli yang lebih tinggi.

Kejayaan ekonomi yang memberangsangkan ini bukanlah dicapai secara kebetulan, tetapi adalah hasil daripada dasar dan program yang digubal secara pragmatik dan dilaksanakan dengan berkesan. Kejayaan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional yang mengekalkan ciri-ciri utama Dasar Ekonomi Baru, bersama-sama Dasar Pensiwaan telah menyumbang kepada kepesatan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran rakyat Malaysia. Kadar kemiskinan di kalangan rakyat termiskin dan kemiskinan pada keseluruhannya telah terus dapat dikurangkan. Pendapatan purata isirumah rakyat Malaysia telah meningkat dengan ketara. Peningkatan ini adalah menyeluruh dan dinikmati oleh semua kumpulan etnik dan peringkat pendapatan serta penduduk bandar dan luar bandar. Penyertaan Bumiputera dalam pelbagai kumpulan pekerjaan meningkat dan peratusan pengurus Bumiputera dalam sektor korporat telah bertambah dengan banyaknya. Perkembangan ini menunjukkan sektor swasta boleh

memainkan peranan yang lebih besar dalam program penyusunan semula masyarakat seperti yang terkandung dalam DPN. Penglibatan aktif sektor swasta dalam pelbagai program membantu usaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) yang berdaya maju.

Penswastaaan merupakan salah satu langkah utama bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi. Bagi memastikan penyertaan aktif Bumiputera, dasar penswastaaan mensyaratkan supaya Bumiputera perlu memegang sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti dalam semua entiti yang diswastakan. Hakmilik Bumiputera juga telah meningkat melalui kaedah Pembelian Syarikat Oleh Pengurusan (MBO). Kakitangan entiti yang diswastakan juga dapat menikmati faedah melalui penawaran saham syarikat di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) dan Skim Opsyen Saham Kesetiaan Kakitangan (ELSOS) serta Skim Unit Amanah. Penyertaan agensi amanah dan pelabur-pelabur dalam institusi pelaburan telah memberi manfaat kepada semua Bumiputera tanpa memberi keutamaan kepada kumpulan tertentu. Kontraktor Bumiputera dapat mengambil bahagian secara aktif dalam proses penswastaaan melalui syarat yang memerlukan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kerja kontrak diberikan kepada kontraktor Bumiputera. Pemilikan oleh Bumiputera juga meningkat dengan cara pembelian oleh pengurus dan pekerja agensi yang diswastakan, dan juga melalui penjualan saham kepada kakitangan serta opsyen bagi pekerja yang setia dan melalui unit

trust. Penyertaan badan-badan amanah dan institusi-institusi pelaburan juga menguntungkan semua Bumiputera daripada semua peringkat tanpa keutamaan kepada mana-mana golongan. Penswastaan juga memberi faedah kepada rakyat Malaysia yang lain melalui projek-projek usahasama Bumiputera dan bukan Bumiputera serta pemberian kontrak dan sub-kontrak projek-projek yang diswastakan kepada golongan bukan Bumiputera. Bukan Bumiputera juga menikmati faedah daripada penyertaan mereka dalam entiti yang diswastakan yang disenaraikan di bursa saham.

Sungguhpun ekonomi Malaysia terus mencapai pertumbuhan yang kukuh, kestabilan harga dapat dikekalkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Kita dapat mengawal inflasi melalui belanjawan berhemat, dasar kewangan yang ketat dan langkah-langkah pentadbiran yang berkesan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat juga telah membawa kepada penurunan kadar pengangguran, iaitu daripada 5.1 peratus pada tahun 1990 kepada 2.8 peratus pada tahun 1995. Kadar ini merupakan paras terendah pernah dicatatkan. Pada hakikatnya ini bermakna negara kini berada pada tahap gunatenaga penuh.

Prestasi sektor luaran Malaysia menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lembab pada awal Rancangan Malaysia Keenam, eksport negara kasar meningkat pada kadar purata 18.4 peratus setahun. Ini menunjukkan

peningkatan daya saingan keluaran Malaysia. Walau bagaimanapun, import negara kasar yang terdiri terutamanya daripada barangan modal dan perantaraan, meningkat pada kadar 19.7 peratus setahun disebabkan perkembangan pesat kapasiti pengeluaran negara.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat juga menyebabkan kekangan bekalan, seperti kekurangan kemudahan infrastruktur dan buruh. Pada masa yang sama, ekonomi juga mengalami defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang berterusan. Di samping itu, pengaliran masuk modal jangka pendek telah menimbulkan pelbagai masalah dalam pengurusan dasar kewangan pada pertengahan tempoh rancangan ini. Walau bagaimanapun, dasar yang pragmatik telah dilaksanakan dan usaha yang bersungguh-sungguh telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang dicapai sehingga kini telah meletakkan ekonomi negara pada asas yang kukuh bagi memulakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh. Cabaran utama ialah mengubah ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti. Peralihan strategi ini boleh dicapai melalui peningkatan kecekapan penggunaan buruh dan modal, kemahiran, pendalaman modal dan peningkatan pengurusan dan keusahawanan. Selaras dengan itu, adalah perlu untuk mempercepatkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, yang menjimatkan

penggunaan buruh dan menambah aktiviti berintensif modal dan teknologi. Peralihan ini memerlukan pengukuhan asas sains dan teknologi dan peningkatan keupayaan penyelidikan dan pembangunan. Selain daripada itu, perkembangan yang pesat dalam teknologi komunikasi, terutamanya teknologi maklumat, memaksa kita menggunakannya secara menyeluruh. Kita seharusnya menjadi bukan sahaja pengguna 'multimedia', tetapi juga menjadi pembekal dan pemaju teknologi ini serta aplikasinya.

Pada masa yang lalu, sektor pembuatan telah menerajui pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, pengalaman telah menunjukkan, adalah tidak bijak untuk bergantung kepada satu sektor sahaja. Sektor perkhidmatan juga harus memberi sumbangan. Oleh itu, kita perlu membangunkan sektor perkhidmatan yang moden, dinamik dan berorientasi eksport yang bukan sahaja menjadi pemangkin utama pertumbuhan, tetapi juga pengeksport perkhidmatan yang berpotensi termasuk pendidikan, kewangan dan khidmat rundingan. Pada masa yang sama, untuk mengurangkan pergantungan terhadap import, kita perlu menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu dengan memperkukuhkan rantai antara industri dan meningkatkan pengeluaran dalam negeri bagi barangan modal dan barangan perantaraan terpilih. Di samping itu, firma tempatan perlu mengambil pendekatan global dalam perindustrian dan menceburi operasi pembuatan berskala besar bagi menikmati faedah ekonomi bidangan.

Dalam usaha meneruskan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kita perlu memastikan pertimbangan terhadap perimbangan alam sekitar dan sosial tidak diabaikan, selaras dengan falsafah pembangunan berimbang sebagaimana yang termaktub dalam DPN. Kita juga perlu memastikan pertumbuhan pesat tidak akan melemahkan etika dan moral masyarakat, terutamanya di kalangan generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, teras Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk mempertingkatkan potensi pertumbuhan pengeluaran, mencapai transformasi struktur ekonomi serta pembangunan seimbang. Dengan persaingan yang hebat berikutan daripada kemunculan dan persaingan oleh negara-negara baru untuk mendapat pelaburan modal asing dan masalah kekurangan sumber tenaga dalam negara, maka fokus rancangan ini akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan. Penekanan khusus akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan kemahiran, pendalaman modal dan pembangunan teknologi. Satu aspek penting ialah meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam penggunaan sumber bagi memperkukuhkan daya saingan negara.

Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh akan memastikan kesinambungan pertumbuhan yang tinggi dan stabil. KDNK sebenar dijangka berkembang pada kadar purata 8 peratus setahun. Pertumbuhan yang tinggi ini akan dikekalkan melalui separuhnya oleh permintaan dalam negeri dan

pelaburan. Jumlah pelaburan dijangka berkembang pada kadar 5.6 peratus setahun dengan pelaburan swasta menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Pelaburan langsung asing akan terus menjadi penting, terutama bagi mempertingkatkan teknologi, kemahiran dan kepakaran pengurusan. Pelaburan awam berjumlah RM150.8 bilion akan terus ditumpukan bagi menyediakan keperluan asas dan kemudahan infrastruktur tertentu, membangunkan tenaga manusia mahir serta memperkukuhkan lagi asas sains dan teknologi.

Pertumbuhan penggunaan akan dikekalkan pada tahap yang wajar iaitu pada kadar purata 7.4 peratus setahun. Tahap ini dijangka akan memastikan dana yang mencukupi dapat digembelngkan untuk membiayai pelaburan tempatan. Dengan pembangunan pasaran modal yang semakin canggih serta pengenalan instrumen tabungan yang inovatif, kadar tabungan yang tinggi akan dapat dikekalkan. Tabungan negara kasar dijangka mencapai 36.5 peratus daripada Keluaran Negara Kasar menjelang tahun 2000.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan akan terus memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi. Memandangkan eksport barangan pembuatan akan digalakkan secara aktif dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, keluaran barangan tersebut dijangka menyumbang sebanyak 88.6 peratus daripada jumlah pendapatan eksport barangan pada tahun 2000. Pada masa yang sama,

sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 8.4 peratus setahun dan menyumbang sebanyak 43.4 peratus kepada KDNK pada akhir tempoh Rancangan. Ini menunjukkan betapa pentingnya sektor ini kepada ekonomi.

Sektor pembinaan pula dijangka berkembang pada kadar 10.2 peratus setahun, berikutan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur besar melalui penswastan, di samping pembangunan perumahan dan aktiviti komersil. Pembangunan berterusan sektor pembuatan juga akan turut menyumbang kepada perkembangan sektor pembinaan, manakala sektor perlombongan dan pertanian masing-masing dijangka berkembang pada kadar 2.3 peratus dan 2.4 peratus setahun.

Import yang tidak terkawal yang berpunca daripada kemewahan dan keperluan perkembangan industri telah mengakibatkan pertambahan defisit dalam imbalan pembayaran. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, lazimnya akaun semasa Malaysia mengalami lebihan dalam akaun dagangan dan defisit yang berterusan dalam akaun perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan import barangan modal dan perantaraan yang tinggi yang disebabkan oleh kepesatan pertambahan kapasiti pengeluaran, kini telah menyumbang kepada defisit akaun perdagangan dan imbalan pembayaran. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan memberi penekanan khusus bagi memperkukuhkan imbalan pembayaran dengan menggalakkan pengeluaran barangan modal dan perantaraan ataupun

komponen tempatan. Usaha-usaha akan juga diambil bagi meningkatkan pendapatan daripada pelancongan dan perkhidmatan pelabuhan serta mengurangkan aliran keluar pendapatan seperti perbelanjaan ke atas insuran, pengangkutan barangan dan pembiayaan pendidikan di luar negara dan khidmat rundingan.

Pencapaian eksport Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang dijangka lebih baik dengan pertumbuhan perdagangan dunia, berikutan daripada regim dagangan dunia yang lebih liberal. Pada masa yang sama, pertumbuhan import akan dapat dikurangkan dengan memaksimumkan pengeluaran tempatan barangan modal dan perantaraan.

Walaupun akaun perkhidmatan terus mengalami defisit, namun defisit ini juga akan dapat dikurangkan. Ini akan dapat dihasilkan melalui langkah-langkah kerajaan seperti penggunaan yang lebih besar pelabuhan-pelabuhan Malaysia, perkapalan, insurans dan insurans semula, penggunaan pakar runding tempatan, pelancongan dan pendidikan tinggi di dalam negeri.

Pertumbuhan ekonomi yang tinggi akan mempengaruhi kenaikan harga. Walau bagaimanapun, inflasi akan dikawal pada paras yang rendah melalui dasar kewangan dan fiskal yang sesuai serta langkah pentadbiran dan penyesuaian bekalan. Usaha utama kerajaan untuk mencapai inflasi sifar bagi barangan perlu tertentu seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pengangkutan bagi golongan berpendapatan rendah akan diberi perhatian yang serius. Bekalan yang mencukupi akan dikekalkan untuk mengelak pengaruh

permintaan ke atas harga. Kenaikan harga barang mewah yang tidak penting tidak boleh diambilkira dalam memperhitungkan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan meneruskan dasar pengurusan fiskal berhemat dengan memperkukuhkan kewangan sektor awam. Di samping menyediakan kemudahan asas kepada rakyat yang kurang berkemampuan, kerajaan akan juga memberi tumpuan kepada strategi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta. Walaupun semakin banyak kemudahan sedang diswastakan, kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai pembekal kemudahan awam yang tidak dapat disediakan oleh sektor swasta atau yang memerlukan subsidi untuk mengurangkan beban rakyat. Tanpa elemen subsidi ini, kos khidmat yang dibekalkan oleh swasta akan menjadi terlalu tinggi bagi menjayakan program penswastaan. Di samping itu, penekanan akan diberi kepada pembangunan sumber manusia untuk memenuhi peningkatan permintaan tenaga manusia yang lebih mahir, bagi menyokong strategi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Rancangan Malaysia Ketujuh juga akan memberi keutamaan bagi meningkatkan lagi kualiti hidup di samping mencapai pembangunan seimbang di antara negeri dan wilayah.

Peruntukan pembangunan sektor awam berjumlah RM162.5 bilion.

Daripada jumlah tersebut, peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM67.5 bilion, Kerajaan Negeri RM12 bilion, Kerajaan Tempatan dan Badan Berkanun RM7.9 bilion serta Perusahaan Awam Bukan Kewangan ataupun PABK RM75 bilion.

Peratusan jumlah peruntukan kepada KNK ialah 11.5% berbanding dengan 14.8% dalam Rancangan Malaysia Keenam. Ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengecilkan saiz dan peranan sektor awam.

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan bertujuan terutamanya untuk mempercepatkan pembangunan infrastruktur tertentu yang tidak sesuai untuk diswastakan, dan penambahan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi. Keutamaan akan diberi kepada projek yang dapat mewujudkan kapasiti baru dan mengurangkan kekangan penawaran. Keutamaan juga akan diberi kepada projek yang akan menghasilkan peluang ekonomi yang baru di negeri yang kurang maju dan di luar bandar. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan di samping meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan, sektor ekonomi diperuntukkan sebanyak RM33.7 bilion atau separuh daripada jumlah peruntukan. Daripada jumlah ini, 23.4% diperuntukkan kepada sektor kecil pengangkutan dan komunikasi, sementara sektor kecil pertanian, perdagangan dan industri masing-masing akan diperuntukkan 8.1% dan 8.7%. Sektor sosial diperuntukkan sebanyak RM19.8 bilion, yang mana lebih separuh diperuntukkan kepada pendidikan dan latihan. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan mengukuhkan pembangunan sumber manusia. Sektor keselamatan dan pentadbiran am masing-masing diperuntukkan sebanyak RM9.2 bilion dan RM4.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan seimbang yang memberi penekanan kepada pertumbuhan dengan pembahagian yang saksama adalah teras DPN. DPN bertujuan meneruskan usaha memperbetulkan ketidakseimbangan

ekonomi dan mewujudkan masyarakat yang lebih adil, bersatupadu, aman dan makmur. Oleh itu, penekanan akan terus diberi kepada pembasmian kemiskinan, mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi serta mewujudkan BCIC yang berdaya maju.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, program pembasmian kemiskinan ditumpukan kepada golongan rakyat termiskin. Pada masa yang sama, program pembasmian kemiskinan yang menyeluruh terus dilaksanakan. Kerajaan telah memainkan peranan utama dalam usaha ini dengan menggalakkan projek yang dapat menambah pendapatan, menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik, dan peluang pendidikan dan latihan yang lebih besar, serta program yang bertujuan menyemai nilai-nilai positif di kalangan golongan miskin. Dengan perkembangan ekonomi yang pesat, dan pertambahan peluang-peluang pekerjaan, kadar kemiskinan di kalangan isirumah Malaysia telah berkurangan, iaitu daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995. Dalam tempoh yang sama, kadar kemiskinan di kalangan golongan termiskin menurun daripada 3.9% kepada 2.1%.

Dengan penekanan yang berterusan untuk mencapai keadilan sosial dan pengurangan kadar kemiskinan, rancangan dan program yang dirangka untuk mengurangkan kadar kemiskinan akan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Rancangan ini bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan

keseluruhan ke paras 5.5%, iaitu kadar yang lebih rendah daripada sasaran 7.2% di bawah RRJP kedua. Pada masa yang sama, kemiskinan di kalangan golongan termiskin akan dihapuskan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat akan menyediakan peluang yang lebih besar kepada golongan miskin untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dapat menghasilkan pendapatan dan seterusnya membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan. Di samping itu, pendidikan dan pengembangan latihan kemahiran akan membolehkan golongan miskin bekerja dalam sektor-sektor ekonomi yang lebih produktif dan memberi pendapatan yang lebih lumayan.

Mengenai penyusunan semula masyarakat, pelbagai program yang terpilih telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Program ini bertujuan menyediakan asas bagi mencapai objektif DPN, melahirkan BCIC yang kukuh. Ramai usahawan bumiputera mendapat faedah daripada program pembangunan vendor, skim usahasama bumiputera, program pembangunan francais serta skim pinjaman modal. Program-program ini telah membolehkan usahawan bumiputera melibatkan diri dalam syarikat kecil dan sederhana dalam sektor-sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan moden. Setiap program dipakejkan bagi merangkumi beberapa jenis bantuan seperti latihan formal dan pengalaman amali, saluran pemasaran, penyediaan premis perniagaan, khidmat naishat teknikal, dan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman. Program tersebut bertujuan memberi peluang kepada

usahawan bumiputera melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan.

Terdapat juga pertambahan usahawan bumiputera berkebolehan yang mengurus dan melibatkan diri dalam projek dan perniagaan yang besar, yang diwujudkan melalui kontrak dan pelesenan kerajaan, program penswastaan, dan perkembangan ekonomi negara. Usahawan ini menjadi pemilik ataupun rakan niaga utama dalam pelbagai perniagaan strategik seperti bank dan institusi kewangan lain, penerbangan komersil, pembuatan peralatan dan penyediaan khidmat telekomunikasi, pembuatan kenderaan bermotor, dan pembinaan lebuh raya dan bandar-bandar baru. Walau bagaimanapun, masih ada ruang bagi meningkatkan penyertaan bumiputera memandangkan latihan dan pengalaman dapat menghasilkan lebih ramai usahawan bumiputera baru dan berkebolehan. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa bumiputera memang mempunyai potensi dan jika ada kesanggupan mampu mengurus aktiviti perniagaan dan perindustrian, kewangan dan pembuatan serta pelbagai kegiatan ekonomi yang lain. Mereka kini memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Program berpakej, seperti pembangunan vendor dan francais serta program usaha sama yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam bertujuan untuk membangunkan BCIC yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, khususnya dalam industri kecil dan sederhana. Program berkenaan akan diperkembangkan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan perkembangan ini, lebih ramai usahawan bumiputera dijangka akan dikenalpasti untuk mendapat faedah daripada pertambahan peluang yang dihasilkan. Di samping itu, usahawan bumiputera akan diberi latihan yang sesuai untuk meningkatkan keupayaan mereka menyertai industri-industri yang strategik seperti industri aerospace, automatif, fabrikasi dan

kejuruteraan, petroleum dan petrokimia dan telekomunikasi. Ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk melibatkan usahawan bumiputera dalam industri yang berteknologi lebih tinggi.

Dalam usaha meningkatkan ekuiti serta penyertaan dan penguasaan bumiputera dalam sektor korporat, bumiputera akan dibekal dengan kemahiran yang sesuai untuk mengurus dan mengendalikan aset dan kekayaan mereka secara berkekalan. Dengan peningkatan tumpuan kepada pengurusan entiti milik bumiputera yang sistematik, ianya dijangka dapat meningkatkan keupayaan bumiputera mengekalkan hak milik mereka dalam aktiviti perniagaan dan perindustrian. Ini adalah perlu bagi menentukan kejayaan DPN dalam mengekalkan penglibatan bumiputera dalam kegiatan utama ekonomi negara. Apabila mereka mampu untuk mengurus dan mengembangkan aset mereka, perlindungan yang diberikan kepada mereka bolehlah dikurangkan.

Daripada segi gunatenaga, Rancangan Malaysia Keenam telah memberi penekanan bagi meningkatkan gunatenaga bumiputera dalam pekerjaan profesional yang penting dan dalam jawatan pengurusan utama sektor korporat. Adalah membanggakan, gunatenaga bumiputera dalam semua kategori pekerjaan telah meningkat. Peratusan bumiputera dalam kategori profesional dan teknikal, seerta pentadbiran dan pengurusan masing-masing telah meningkat daripada 60.5 peratus dan 28.7 peratus pada tahun 1990 kepada 64.3 peratus dan 36.1 peratus pada tahun 1995.

Untuk menambah penawaran bumiputera bagi pekerjaan profesional dan teknikal, kerajaan akan mengambil langkah-langkah menambah bilangan pelajar bumiputera dalam aliran sains dan teknikal di sekolah-sekolah. Di

samping itu bilangan penuntut bumiputera dalam kursus profesional dan kejuruteraan di universiti dan institusi latihan kemahiran akan dipertingkatkan. Terdapat juga beberapa kaum bukan bumiputera yang agak ketinggalan daripada segi penglibatan dalam kegiatan ekonomi. Kerajaan akan memberi perhatian dan pertolongan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti sumber manusia merupakan aset dan penyumbang terbesar kepada pembangunan negara. Pengalaman negara perindustrian baru telah membuktikan kenyataan ini. Walaupun mereka mengalami kekurangan sumber semulajadi, tetapi dengan penggunaan secara optimum sumber manusia, mereka telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Pembangunan sumber manusia telah muncul sebagai penentu utama bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seterusnya peningkatan kualiti hidup.

Adanya kualiti sumber manusia yang sesuai akan membolehkan sesebuah negara mengamali transformasi ekonomi daripada yang berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian yang berjaya. Kualiti sumber manusia bukan sahaja merujuk kepada tahap pendidikan dan kemahiran, tetapi juga nilai-nilai etika yang baik yang membolehkan penggunaan kemahiran secara maksimum. Untuk memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa, tenaga kerja kita perlulah bermotivasi tinggi bagi menggunakan kelebihan diri dan kualiti moral untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Akhirnya, sudah tentu mereka akan mendapat pulangan yang besar untuk diri sendiri.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh yang tidak dijangkakan dalam tahun-tahun akhir lapan puluhan dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam telah mewujudkan peningkatan permintaan tenaga manusia di semua peringkat kemahiran. Walaupun keluaran tenaga mahir telah bertambah dengan pesatnya, sistem pendidikan dan latihan masih tidak berupaya memenuhi keperluan tenaga mahir. Akibatnya, negara menghadapi kekurangan buruh. Kerajaan telah bertindak segera dengan membenarkan pengambilan pekerja asing secara sementara dalam sektor-sektor perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan terpilih. Tetapi ini ternyata bukanlah satu pendekatan yang bijak dan terbaik. Sungguhpun pekerja asing menyumbang kepada ekonomi, tetapi kos daripada segi sosial dan kewangan adalah sangat tinggi.

Pembangunan sumber manusia akan terus menjadi teras utama Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini adalah kerana peralihan daripada industri berintensif buruh kepada industri besar yang menggunakan automasi dan robot berteknologi tinggi dijangka akan memerlukan bilangan tenaga kerja yang lebih kecil tetapi berkemahiran tinggi. Walau bagaimanapun, gunatenaga dijangka berkembang pada kadar 2.8 peratus setahun, sementara tenaga buruh juga dijangka bertambah pada kadar yang sama. Peningkatan tenaga buruh ini terutamanya berpunca daripada kadar pertumbuhan yang tinggi dan berterusan

di kalangan penduduk umur bekerja. Kadar pengangguran juga dijangka stabil pada kadar 2.8 peratus, iaitu tahap gunatenaga penuh. Rancangan Malaysia Ketujuh akan memerlukan peningkatan kualiti tenaga kerja bagi meningkatkan tahap produktiviti. Oleh itu, peningkatan kemahiran, pendalaman modal, pembangunan teknologi dan pengukuhan organisasi akan menjadi tunjang tranformasi ekonomi negara ke arah pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Peningkatan produktiviti adalah penting bagi kita menjadikan dunia sebagai pasaran seluruh keluaran industri kita.

Saya perlu menekankan bahawa sebuah ekonomi yang didorong oleh produktiviti memerlukan tenaga manusia mahir dan profesional di peringkat tinggi dan juga kepakaran dalam pentadbiran dan pengurusan. Oleh itu, penambahan pengetahuan dan kemahiran tenaga buruh, peningkatan kecekapan dan inisiatif pengurusan serta kemajuan pengetahuan saintifik dan teknologi akan diusahakan secara bersama, secara aktif oleh kerajaan dan pihak swasta. Kerjasama yang lebih erat dan pernyertaan yang lebih besar sektor swasta akan digalakkan dalam penyediaan pendidikan tinggi, latihan kemahiran dan latihan semula. Dengan penggubalan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, 1996, sektor swasta kini boleh menubuhkan institusi pendidikan dan latihan di peringkat tertinggi dan menganugerahkan sijil, diploma dan ijazah yang diiktiraf setaraf dengan institusi kerajaan dan institusi asing. Tumpuan akan diberi kepada sains dan teknologi dengan latihan kemahiran hingga ke peringkat,

dengan izin, 'master craftman' yang sesuai untuk pekerjaan di industri-industri yang canggih. Tidak ada syak lagi jika diberi latihan yang sesuai, pekerja dan pengurus Malaysia berkeupayaan menguasai kemahiran dan kepakaran yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, pergantungan kita kepada buruh asing akan berkurangan berikutan dengan dasar kerajaan menggalakkan firma menggunakan kaedah dan proses pengeluaran yang berintensifkan modal dan teknologi. Untuk memastikanya ianya boleh dicapai kerajaan tidak akan menggalakkan lagi industri berintensif buruh dengan pelaburan modal setiap pekerja kurang daripada RM55,000. Dengan ini, penawaran buruh tempatan akan diselaraskan dengan keperluan permintaan buruh. Saya percaya, apabila bilangan firma menggunakan teknologi penjimatan buruh kian bertambah, keperluan buruh asing akan dikurangkan secara berperingkat. Kita tidak akan mengabaikan keperluan mereka sepenuhnya. Jika kerajaan mereka membenarkan, kita akan melabur dalam industri berintensif buruh dan menempatkan semula industri-industri kita di negara mereka.

Pada masa yang sama, penggunaan buruh tempatan yang lebih menyeluruh akan ditingkatkan. Ini dapat dilakukan dengan menambah penawaran melalui peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita, pengambilan pesara dan pengambilan lebih ramai warga kurang upaya untuk kerja-kerja yang sesuai. Negara kita masih mempunyai sejumlah besar, wanita,

terutama surirumah, yang masih belum menyertai tenaga buruh. Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji semula Akta Kerja 1955. Kajian semula ini bertujuan meminda peraturan berhubung dengan pekerjaan separuh masa supaya membolehkan wanita bekerja secara sambilan. Peluang-peluang pendidikan dan latihan akan disediakan untuk wanita bagi meningkatkan kerjaya mereka dalam pasaran buruh. Saya juga ingin menggesa firma-firma supaya memudahkan penyertaan wanita dengan mengamalkan peraturan bekerja yang lebih fleksibel, antara lain, kemudahan cuti tanpa menjejaskan kerjaya pekerja, perkongsian kerja dan kelonggaran masa bekerja bagi pekerja wanita sepenuh masa. Pendekatan ini, yang mengambilkira kepentingan keluarga, akan memberi kelonggaran kepada kaum wanita untuk mengimbangi masa antara kerjaya dan keluarga.

Memandangkan lebih ramai wanita akan menyertai tenaga kerja, usaha akan diambil untuk membekalkan wanita dengan kemahiran pembangunan keluarga, khususnya dalam bidang seperti kekeluargaan dan kesihatan keluarga serta cara-cara untuk mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerjaya. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah wanita dan menyediakan persekitaran yang sesuai bagi membolehkan wanita turut mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi. Kita tidak harus membiarkan separuh daripada penduduk wanita

dalam kumpulan umur bekerja tidak bekerja jika kita ingin mengurangkan pergantungan kepada rakyat asing dan meningkatkan pendapatan keluarga.

Keadaan gunatenaga yang baik dalam tempoh beberapa tahun yang lalu telah memberi manfaat kepada pekerja melalui upah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, dalam jangkamasa panjang, kenaikan upah yang tidak disertai dengan peningkatan produktiviti akan menambah tekanan inflasi, mengurangkan kelebihan daya saingan dan seterusnya menjejaskan taraf hidup pekerja sendiri. Kitaran upah-harga atau dengan izin, 'wage-price spiral' akan menjejaskan usaha kita untuk meningkatkan kuasa beli rakyat. Adalah penting untuk kita sentiasa mengingatkan diri kita bahawa bukan jumlah wang yang kita perolehi yang perlu diutamakan. Yang penting ialah kuasa beli pendapatan kita. Jika produktiviti kita rendah, ini bermakna kos pengeluaran kita akan meningkat dan menyebabkan inflasi yang seterusnya menjejaskan kuasa beli dan daya saingan kita. Akhirnya, ekonomi kita akan merosot dan pendapatan kita akan berkurangan ataupun kita terus menganggur.

Oleh itu, usaha-usaha gigih perlu diambil oleh sektor awam dan swasta bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pekerja. Di samping itu, peningkatan upah perlu diselaraskan dengan peningkatan produktiviti supaya kos keluaran seunit dapat dikurangkan. Pengurangan kos tenaga kerja bagi seunit akan meningkatkan daya saingan keluaran negara.

Dalam hubungan ini, saya ingin menggesa kesatuan sekerja supaya tidak semata-mata memperjuangkan kenaikan upah yang tinggi tanpa mengira peningkatan produktiviti. Permintaan upah yang tidak munasabah berserta dengan suasana kerja yang tidak aman akan menggagalkan program perindustrian negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kejayaan program perindustrian telah menyebabkan kekurangan pekerja dan meningkatkan upah. Kegagalan program perindustrian akan memberi kesan yang sebaliknya, iaitu pengangguran, inflasi dan pengurangan kuasa beli. Dasar kerajaan adalah untuk meningkatkan pendapatan pekerja supaya mereka dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan industri berskala besar tetapi menggunakan bilangan pekerja yang kecil yang menerima upah yang tinggi. Lazimnya, pekerja dalam industri jenis ini memerlukan kemahiran yang lebih tinggi bagi membolehkan mereka mengurus dan mengawal selia jentera-jentera yang lebih canggih. Latihan semula adalah penting bagi tujuan ini. Di samping itu, sikap bertanggungjawab dan disiplin yang tinggi juga diperlukan kerana mereka ditugaskan menjaga peralatan dan jentera yang sangat mahal. Untuk membolehkan ahli-ahlinya mendapat pendapatan yang lebih, kesatuan sekerja perlu membantu dalam latihan dan penerapan etika kerja yang baik. Usaha ini adalah lebih sukar daripada hanya mendesak kenaikan upah melalui tindakan perusahaan. Kualiti kepimpinan

yang tinggi perlu dibangunkan di kalangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang tidak dapat dinafikan ialah penswastaan telah membolehkan Malaysia mengekalkan pertumbuhan yang tinggi di samping memenuhi permintaan terhadap infrastruktur selaras dengan proses perindustrian yang pesat. Sekiranya kita hanya berharap kerajaan akan mendapat pendapatan yang mencukupi atau membuat pinjaman sebelum kita dapat membina jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, kelengkapan telekomunikasi, bekalan air dan elektrik; sebahagian besar daripada kemudahan awam yang kita nikmati pada hari ini tidak akan dapat disediakan. Walaupun demikian, kebanyakan daripada projek-projek yang diswastakan bergantung sebenarnya kepada kesanggupan kerajaan untuk memindahkan asetnya kepada sektor swasta pada harga nominal. Kerajaan sanggup melakukan semua ini kerana aset ini tidak mendatangkan hasil apa-apa kepada kerajaan. Sebenarnya, kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan setiap tahun semata-mata untuk mentadbir agensi ataupun jabatan berkaitan.

Melalui penswastaan, kerajaan dapat menjimatkan peruntukan belanjawan dan pembayaran gaji kakitangan untuk fungsi ini. Di samping itu, apabila agensi-agensi yang diswastakan mendapat keuntungan, dan ini kerap berlaku, mereka membayar cukai kepada kerajaan. Jika kerajaan terus memegang saham dalam syarikat ini, kita juga akan mendapat dividen. Jadi,

penywastaan telah memberi manfaat kepada kerajaan dan negara. Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan kejayaan projek penywastaan yang melibatkan kemudahan bekalan utiliti dan infrastruktur.

Proses penywastaan adalah sama penting dengan penywastaan itu sendiri bagi menjamin strategi penywastaan berjaya. Di kebanyakan negara lain, entiti yang diswastakan terpaksa memberhentikan kakitangan mereka untuk mengurangkan kos. Ini tidak dibenarkan di Malaysia. Di samping itu, gaji yang ditawarkan mestilah lebih baik daripada skim gaji asal. Pekerja adalah layak untuk mendapat peratusan tertentu daripada saham syarikat dan mungkin dibayar bonus apabila prestasi syarikat adalah baik.

Sementara kerajaan mungkin mengenal pasti entiti dan mengemukakan cadangan untuk penywastaan, dalam banyak kes, sektor swasta mengenal pasti entiti yang hendak diswastakan dan mengemukakan cadangan. Adalah tidak adil untuk menerima cadangan yang dikemukakan secara persendirian dan kemudiannya menjemput syarikat lain bersaing untuk mendapatkan tawaran. Pencadang asal diberi hak eksklusif untuk menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan terperinci sekiranya cadangan itu adalah unik. Cadangan untuk membangunkan sebidang tanah kerajaan tidak boleh ditakrif sebagai unik.

Tanpa hak eksklusif ini, pencadang tidak akan sanggup membelanjakan wang untuk menjalankan kajian kemungkinan. Sungguhpun begitu, sekiranya cadangan akhir yang dikemukakan tidak menarik, pencadang mungkin tidak mendapat projek berkenaan. Dalam keadaan sedemikian, kerajaan merasakan bahawa ianya tidak lagi terikat dengan hak eksklusif tersebut. Syarikat-syarikat lain boleh dipelawa untuk mengemukakan tawaran.

Dalam kes-kes tertentu, usahawan bumiputera telah dibenar memperolehi saham terbanyak dalam syarikat-syarikat yang diswastakan. Ini adalah disebabkan perlunya pengurusan yang bertanggungjawab pada diri sendiri berbanding dengan pengurusan oleh pengurus-pengurus profesional dan pengarah-pengarah yang dipilih oleh institusi kerajaan yang memegang saham dalam syarikat tersebut. Ini terbukti berjaya dengan syarikat-syarikat berkenaan berkembang dan lebih maju. Hanya usahawan bumiputera yang mempunyai rekod pencapaian yang baik dan berkeupayaan daripada segi kewangan dapat dipertimbangkan. Jika kriteria ini tidak dipenuhi, kemungkinan kegagalan adalah besar.

Penswastan telah memberi faedah yang besar kepada Malaysia. Ia telah mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk pentadbiran dan pembangunan, menambah hasil kerajaan, memberangsangkan sektor swasta dan menambah jumlah modal di pasaran saham, dan meningkatkan upah serta pendapatan di semua peringkat. Kakitangan kerajaan juga mendapat faedah kerana penambahan hasil membolehkan kerajaan menyemak semula tanggagaji.

Pengguna mendapat manfaat daripada penyediaan kemudahan awam yang lebih awal dan berkualiti dengan peningkatan kos yang minimum. Sudah tentu pembangunan telah berkembang dengan lebih pesat, terutama pembangunan infrastruktur. Berkaitan dengan objektif DEB menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, tidaklah dapat dinafikan bahawa penswastan telah membantu mengurangkannya pada semua peringkat, daripada usahawan terkaya kepada pekerja mahir yang bergaji tinggi. Ianya juga banyak menyumbang kepada pembasmian kemiskinan.

Tidak siapa boleh menafikan bahawa pengekaln pertumbuhan ekonomi yang tinggi banyak bergantung kepada penswastaaan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pelaksanaan program penswastaaan akan dipercepatkan, khususnya dalam sektor-sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan. Program ini akan diperluaskan kepada sektor perkhidmatan, seperti latihan dan pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan R&D. Pelaksanaan program penswastaaan dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengeluaran-pengeluaran dan pembekal-pembekal. Pada masa yang sama, kepentingan para pengguna tidak akan diabaikan. Badan-badan pengawasan yang berkaitan akan ditubuhkan untuk melindungi kepentingan mereka.

Kejayaan program penswastaaan di Malaysia tidak seharusnya dianggap perkara biasa. Banyak negara telah gagal dan terpaksa memberhentikan program penswastaaan mereka. Untuk menjamin kejayaannya, pemilihan usahawan dan sokongan berterusan daripada kerajaan di semua peringkat adalah amat penting. Kita beruntung kerana konsep Persyarikatan Malaysia telah memudahkan kerjasama sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan fasa yang penting dalam usaha untuk meningkatkan perindustrian negara. Peralihan sektor pembuatan daripada bergantung kepada pasaran tempatan yang terhad kepada pengeluaran untuk pasaran dunia adalah perlu. Pada masa yang sama, firma-firma Malaysia perlu membentuk rangkaian perniagaan baru

dengan pasaran luar dan ahli perniagaan asing. Ini termasuk pengagihan proses pengeluaran yang akan mengekalkan operasi nilai ditambah yang tinggi di Malaysia, sementara operasi pengeluaran sokongan dilaksanakan di luar negara sesuai dengan tingkat kemahiran dan teknologi di negara berkenaan. Pendekatan yang lebih bersepadu adalah perlu untuk memperluas dan memperkukuhkan asas sektor pembuatan melalui perkembangan industri barangan modal dan perantaraan. Strategi dan program bagi mengembang dan meningkatkan lagi industri kecil dan sederhana (IKS) akan juga dilaksanakan secara aktif dengan tujuan menjadikan mereka industri sokongan yang lebih berkesan kepada industri yang lebih besar.

Selaras dengan penekanan ke atas pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti, usaha akan diambil bagi meningkatkan keupayaan negara mengguna, menyesuaikan dan mempertingkatkan teknologi yang diimport serta menggalakkan pembangunan teknologi tempatan. Dasar yang sesuai dan kerjasama yang erat antara industri, universiti dan institusi penyelidikan dalam pembangunan teknologi akan diusahakan.

Perbelanjaan R&D, sebagai peratusan KNK, perlu ditingkatkan sebanyak sekali ganda bagi mempergiatkan kemajuan R&D tempatan dan keupayaan teknologi negara. Pada lazimnya, peruntukan R&D yang berjumlah sekurang-kurangnya satu peratus daripada KNK merupakan tahap minimum bagi membolehkan R&D menyokong strategi dan inovasi perindustrian dengan

berkesan. Sehubungan ini, kerajaan akan menambah pembiayaan R&D secara langsung sebanyak RM1.2 bilion kepada agensi penyelidikan dan universiti. Usaha-usaha yang gigih akan diambil bagi memastikan R&D sektor awam diselaraskan dengan keperluan pasaran dan menghasilkan aktiviti ekonomi sampingan.

Dalam usaha memastikan pembangunan teknologi perindustrian yang kompetitif dan berdaya tahan, sektor swasta perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memperolehi dan memindah serta memperdagangkan teknologi. Selaras dengan ini, industri akan digalakkan mengkhusus dalam teknologi baru dan berpotensi dalam usaha ke arah penubuhan industri-industri berteknologi canggih yang mengeluarkan keluaran yang lebih berkualiti dan kompetitif.

Seterusnya, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peranan maklumat adalah penting dalam membuat keputusan dan menentukan keupayaan bersaing secara global. Ini telah menjadikan teknologi maklumat (IT) sebagai komponen penting dalam pembangunan ekonomi. IT telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan negara, terutama dari segi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saingan. Sehubungan ini, kerajaan akan menentukan bahawa infrastruktur IT akan terus dibangunkan supaya dapat membina satu asas yang kukuh bagi membentuk masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat.

Satu Pelan Tindakan Nasional mengenai Teknologi Maklumat sedang digubal bagi memastikan pembangunan IT dapat dirancang dan diurus secara bersepadu. Kerajaan telah memulakan pembinaan, dengan izin ‘Multimedia Super Corridor’, yang merentangi Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melalui Putrajaya. Koridor ini akan dilengkapi dengan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia. Syarikat multimedia swasta akan digalakkan menempatkan syarikat mereka di koridor berkenaan bagi menjalankan kegiatan industri pembuatan jarak jauh dan memperkenalkan barangan dan perkhidmatan IT yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ini akan membolehkan Malaysia menjadi pusat IT serantau.

Tuan Yang di-Pertua, proses peralihan ekonomi Malaysia kepada sebuah ekonomi perindustrian telah menimbulkan tekanan ke atas pembangunan sektor pertanian, terutamanya kekurangan buruh, tanah yang sesuai untuk pertanian yang terhad, harga beberapa komoditi yang rendah yang menyebabkan tahap pelaburan yang secara relatifnya rendah dalam sektor berkenaan. Oleh itu, kerajaan bercadang mengkaji semula Dasar Pertanian Negara untuk mengalih tumpuan pembangunan pertanian ke arah peningkatan produktiviti dalam penggunaan sumber-sumber pertanian dan laut.

Pembangunan sektor ini akan memberi tumpuan kepada bidang yang kita mempunyai kelebihan bersaing dan menawarkan pulangan yang tinggi.

Penanaman tanaman yang bernilai tinggi serta pengembangan aktiviti akuakultur termasuk kegiatan pemeliharaan ikan dalam laut akan diberi penekanan yang lebih kerana ianya mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan. Usaha gigih ke arah meningkatkan penyertaan sektor swasta akan diambil dengan sektor awam menyediakan sokongan yang diperlukan melalui perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat. Dalam usaha menjadikan sektor pertanian lebih berdaya saing dan mampan, kerajaan akan menarik balik subsidi secara berperingkat, khususnya dalam bidang di mana Malaysia tidak lagi mempunyai daya saingan. Usaha penyelidikan dan pembangunan ke atas aktiviti-aktiviti hiliran akan dipergiatkan untuk menghasilkan lebih banyak barangan pertanian yang mempunyai nilai ditambah.

Kerajaan akan menggalakkan penyelidikan ke atas penggunaan tanah secara lebih berkesan, pemilihan tanaman dan penggunaan baja yang sesuai. Pemindahan tanaman ladang yang memerlukan kawasan tanah yang luas dan jumlah tenaga kerja yang banyak ke negara lain yang sesuai juga diperlukan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjamin pembangunan mampan dan seimbang. Bagi mencapai matlamat ini, pertimbangan ke atas alam sekitar dan pemuliharaan sumber akan lebih disepadukan dengan perancangan pembangunan.

Pada keseluruhannya, pengurusan sumber asli dan persekitaran di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh akan berpandu kepada Dasar Alam Sekitar Negara yang sedang digubal dan yang bertujuan menjamin kemampanan dan peningkatan kualiti hidup dalam jangka panjang. Dasar ini juga akan menggalakkan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya melalui pembangunan yang mampan dan dengan izin, 'environmentally-sound development'. Strategi Pemuliharaan Nasional akan digunakan sebagai rangka bagi pembangunan sumber asli secara lengkap dan menyeluruh. Strategi tersebut akan bercorak rasional tanpa dipengaruhi oleh apa jua bentuk fahaman fanatik.

Usaha kerajaan dalam bidang pengurusan sumber asli dan persekitaran akan disokong melalui pelaburan sektor swasta. Usaha juga akan diambil untuk mewujudkan ruang pasaran bagi barangan dan teknologi alam sekitar di mana Malaysia boleh mencapai kelebihan bersaing dan seterusnya memenuhi permintaan yang semakin bertambah di pasaran antarabangsa. Pendidikan alam sekitar dan program kesedaran awam akan ditingkatkan dengan kerjasama Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan sektor swasta. Ini bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai isu-isu alam sekitar dan pemuliharaannya bagi mencapai matlamat pembangunan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur ke-hadrat Allah S.W.T. oleh kerana pembangunan ekonomi yang pesat telah membolehkan kita menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Kerajaan telah berjaya mempertingkatkan kemudahan

dan infrastruktur asas, menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan perkhidmatan kesihatan serta menambah kemudahan perumahan. Keperluan-keperluan asas ini telah dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. Yakinlah, kerajaan akan terus meningkatkan kemudahan-kemudahan ini bagi memenuhi matlamat jangka panjang, menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan yang unik di samping bersesuaian dengan nilai-nilai kita.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan pendidikan yang lebih baik. Usaha ini telah dilaksanakan melalui pengembangan dan penyediaan kemudahan dan sokongan infrastruktur fizikal yang mencukupi di semua peringkat pendidikan awam. Kita juga telah memperkenalkan pembaharuan kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah serta mengembang dan mempelbagaikan pendidikan di peringkat lepasan menengah dan tinggi. Melalui dasar yang konsisten dan penglibatan sektor swasta yang aktif, Malaysia telah mencapai kemajuan yang baik dalam menyediakan pendidikan di semua peringkat. Kadar celik huruf di kalangan rakyat Malaysia telah meningkat daripada 85% pada tahun 1991 kepada 91% pada tahun 1995, kesan daripada usaha mengembangkan peluang-peluang pendidikan kepada semua rakyat Malaysia. Hampir 100% murid-murid berjaya meneruskan dan menamatkan pendidikan rendah mereka, sementara kira-kira 55% tenaga buruh telah

mendapat pendidikan peringkat menengah pada tahun 1995, berbanding dengan 52% pada tahun 1990.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, beberapa perubahan besar akan dilakukan ke atas sistem pendidikan dengan tujuan mengukuh dan meningkatkan keberkesanan sistem tersebut. Di samping melahirkan masyarakat yang berdisiplin, mempunyai nilai moral yang tinggi dan etika kerja yang baik, usaha ini juga dijangka dapat meningkatkan kualiti dan menambah keluaran tenaga manusia negara. Pendaftaran pelajar di sekolah rendah dan menengah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dijangka meningkat daripada 4.4 juta pada tahun 1995 kepada 4.9 juta pada tahun 2000. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sejumlah kira-kira 108,000 pelajar yang tamat kursus ijazah pertama dari institusi awam tempatan dijangka memasuki pasaran buruh.

Selain pendidikan, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kesihatan, memandangkan ianya sangat penting untuk meningkatkan kualiti hidup. Sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam, taraf kesihatan penduduk telah bertambah baik. Pelbagai program dan projek telah dijalankan di bawah perkhidmatan yang mengutamakan kesihatan dan pencegahan penyakit. Program 'Gaya Hidup Sihat' juga telah dilancarkan untuk menggalakkan amalan gaya hidup yang sihat di kalangan penduduk. Hasil daripada pelbagai program dan kempen yang telah dilaksanakan, jangka hayat

bagi lelaki dan wanita masing-masing telah meningkat kepada 69.3 tahun bagi lelaki dan 74 tahun bagi wanita pada tahun 1995 berbanding dengan 68.9 tahun bagi lelaki dan 73.5 tahun bagi wanita pada tahun 1990. Sementara itu, kadar kematian bayi telah berkurangan daripada 13 bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 1990 kepada 10.5 bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 1995. Kesemua isirumah di bandar dan kira-kira 92% isirumah di luar bandar telah menikmati kemudahan elektrik, manakala 99% isirumah di bandar dan 83.5% isirumah di luar bandar menikmati kemudahan bekalan air minuman yang bersih.

Kerajaan berhasrat untuk menswastakan kebanyakan kemudahan kesihatan termasuk hospital dan unit-unit rawatan khas. Satu bentuk subsidi akan dirangka bagi golongan miskin yang majikan mereka tidak mampu membayar perbelanjaan rawatan atau mereka yang tidak mampu mendapat perlindungan insuran kesihatan. Syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja di firma swasta yang besar perlulah meliputi kemudahan rawatan kesihatan sama ada secara subsidi atau percuma sehingga kepada satu had tertentu.

Sementara itu, hospital-hospital bagi pesakit yang berpendapatan sederhana perlu ditubuhkan oleh sektor swasta. Hospital swasta yang sedia ada lebih memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan penginapan kesihatan bertaraf lima bintang. Kebanyakan pesakit tidak mampu untuk mendapat rawatan di hospital tersebut. Pengendalian hospital swasta kelas biasa juga boleh memberi keuntungan bagi pelabur-pelabur Malaysia. Di kalangan

hospital swasta, perlu juga ada elemen subsidi timbal-balik supaya golongan yang kurang mampu mendapat rawatan kesihatan yang setara tanpa memerlukan kemudahan penginapan yang mewah.

Para doktor yang berkhidmat di hospital yang bertaraf lima bintang perlu juga memberi perkhidmatan di wad-wad biasa hospital swasta. Yuran dan caj perkhidmatan mereka hendaklah rendah. Perkhidmatan perubatan merupakan satu perkhidmatan yang disanjung tinggi. Pertimbangan kewangan sahaja tidak semestinya mempengaruhi tahap perkhidmatan mereka. Masyarakat banyak terhutang budi kepada doktor-doktor perubatan, tetapi kemewahan yang dikecapi oleh golongan profesional ini pula bergantung kepada kemajuan masyarakat kita. Sifat amal jariah dan kesyukuran perlu ada dalam lubuk hati masyarakat kita.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan terus mengembang dan meningkatkan program dan perkhidmatan kesihatan supaya rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Walau bagaimanapun, adalah menjadi semakin sukar bagi kerajaan untuk menyediakan rawatan hospital secara percuma atau dikenakan kadar caj nominal. Ini bukan sahaja disebabkan oleh peningkatan kos perubatan yang ketara, tetapi juga kesukaran untuk mengekalkan kakitangan kesihatan, sama ada doktor ataupun jururawat dengan tahap gaji yang rendah yang dapat ditawarkan oleh kerajaan. Adalah tidak wajar untuk membina hospital tanpa diisi dengan kakitangan yang mencukupi.

Pada masa hadapan, rawatan kesihatan di hospital kerajaan perlu dibayar sama ada melalui insuran kesihatan ataupun skim rawatan kesihatan swasta.

Program perumahan dan perkhidmatan sosial yang lain adalah juga bertujuan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, program pembangunan perumahan telah dilaksanakan bagi membolehkan rakyat Malaysia, terutama golongan berpendapatan rendah, berpeluang memiliki rumah yang sesuai pada harga yang berpatutan. Tempat kediaman yang mencukupi bukan semestinya bermakna memiliki rumah sendiri. Adalah memadai jika sewa rumah mampu dibayar oleh penyewa. Ini banyak bergantung kepada lokasi dan kos pembinaan kerana harga tanah merupakan satu elemen kos yang penting. Prestasi program perumahan adalah menggalakkan dengan pencapaiannya telah mengatasi sasaran Rancangan Malaysia Keenam. Kira-kira 647,500 unit rumah telah siap dibina dalam tempoh Rancangan tersebut dan daripada jumlah ini, 40.4% merupakan rumah kos rendah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, program perumahan akan diperkukuhkan lagi. Pelaksanaan program berkenaan akan terus memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah, bagi menjamin golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah berkemampuan memiliki ataupun menyewa rumah yang sesuai. Sektor swasta akan memainkan peranan utama bagi memenuhi keperluan perumahan di kalangan isirumah baru yang kian bertambah dan membantu program perumahan sektor awam.

Kesemua pembangunan ini berserta peningkatan kualiti pengawalan kebersihan dan alam sekitar, gaya hidup yang sihat dan persekitaran kerja yang lebih baik, kemudahan kesihatan dan riadah berserta tahap pendapatan yang lebih tinggi akan menjamin kualiti hidup rakyat Malaysia terus meningkat. Namun demikian, kualiti hidup banyak bergantung kepada gaya hidup rakyat. Rumah yang mahal dan cantik tidak dapat menjamin kualiti hidup yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, belia hari ini akan menjadi rakyat dewasa pada masa hadapan. Merekalah yang akan menjamin kesinambungan pembangunan negara. Oleh itu, usaha memajukan potensi yang ada pada belia kita adalah peting dalam menentukan kejayaan pembangunan sosio-ekonomi negara. Oleh itu, pembangunan belia merupakan salah satu teras pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh. Di samping membentuk warga yang berkualiti dan penerapan nilai-nilai positif di kalangan para belia, program pembangunan belia juga bertujuan melengkapkan belia dengan kemahiran yang sesuai bagi meningkatkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara. Tujuannya ialah untuk memupuk dan membentuk satu generasi belia yang bukan sahaja berpendidikan dan berkemahiran, tetapi memiliki kualiti moral yang tinggi. Pelbagai program pembangunan belia seperti Program Rakan Muda akan terus dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama sektor swasta dan NGOs. Dasar Belia Negara akan dikaji semula dengan memberi tumpuan

kepada belia, khususnya belia bermasalah dan mereka yang menganggur, untuk menjadikan mereka tenaga kerja yang produktif dan warganegara yang baik.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, proses perindustrian dan urbanisasi yang pesat telah meningkatkan gejala sosial yang negatif seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, masalah lepak, keruntuhan akhlak juvana dan gaya hidup yang tidak sihat yang boleh menimbulkan keretakan rumahtangga. Masalah-masalah ini boleh melemahkan moral generasi akan datang sekiranya langkah-langkah untuk mengatasinya tidak diambil sekarang. Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi bagi merangka dasar dan strategi untuk meningkatkan pembangunan sosial dan keluarga. Pada masa yang sama, institusi-institusi sokongan akan dikaji semula untuk memberi tumpuan yang lebih dan penyelarasan yang berkesan kepada program pencegahan dan pemulihan untuk golongan sasaran seperti kanak-kanak, belia dan ibubapa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memiliki kemewahan material, rakyat Malaysia perlu dipupuk dengan nilai yang baik dengan memberi penekanan kepada perilaku moral dan etika berasaskan agama, adat resam, norma dan tradisi. Bagi memudahkan amalan etika dan nilai yang positif, ciri-ciri seperti disiplin, jujur, rajin, cekal, berjimat cermat dan hormat kepada orang yang lebih tua, yang merupakan ciri struktur sosial masyarakat Malaysia akan diperkukuhkan lagi. Usaha ini dapat dilakukan melalui sistem

persekolahan, latihan di tempat kerja dan organisasi perniagaan serta program-program penyemaian semangat. Rakyat Malaysia perlu menyerap dan mengamalkan nilai-nilai berkenaan sebagai sebahagian daripada sistem nilai dan kod perlakuan mereka.

Usaha akan terus dilaksanakan bagi menggalakkan pembangunan masyarakat penyayang sebagai komponen bersepadu sistem nilai kebangsaan. Pembangunan keluarga yang bertujuan memperkukuhkan institusi kekeluargaan bagi melahirkan warganegara yang bertanggungjawab akan diberi keutamaan. Oleh itu, tumpuan akan diberi untuk membentuk nilai-nilai bersama dan sikap yang positif bagi memastikan kewujudan semangat keyakinan diri dan komitmen bersama ke arah membentuk sebuah masyarakat penyayang. Di tempat kerja pula, majikan akan digalakkan menyediakan kemudahan seperti pusat penjagaan bayi dan kanak-kanak, memandangkan bilangan ibubapa yang bekerja semakin meningkat. Masa kerja yang fleksibel dan pilihan bekerja di rumah juga perlu dipertimbangkan untuk menggalak penglibatan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja. Pada masa yang sama, langkah-langkah perlu diambil bagi menggalakkan amalan etika yang baik serta sikap bertanggungjawab melalui penggubalan kod etika di tempat kerja. Sifat-sifat seperti persahabatan, kejiranan dan kemesraan akan terus dijadikan ciri masyarakat Malaysia. Matlamatnya ialah pembentukan satu identiti dan satu hasrat di kalangan rakyat Malaysia bagi mewujudkan Bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan pada awal ucapan saya ini, Rancangan Malaysia Ketujuh dibentangkan pada masa kita menikmati pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Pada masa yang sama, kita juga menghadapi beberapa masalah yang sebahagian besarnya telah dapat kita atasi. Kita perlu ingat bahawa apa yang telah kita perolehi bukan dicapai dengan mudah. Jika pembangunan boleh dicapai dengan mudah, maka sepatutnya banyak negara yang mempunyai sejarah, struktur sosial dan sumber asli yang sama telah mencapai status pembangunan setaraf dengan kita. Apa yang kita nikmati pada hari ini merupakan hasil daripada perancangan yang rapi dan usaha gigih rakyat Malaysia yang bersatu padu.

Kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh, khususnya teras-teras baru akan bergantung kepada komitmen, kegigihan dan dedikasi kita semua. Kita perlu ingat bahawa di dalam keadaan di mana seluruh dunia boleh berkomunikasi dengan serta merta, pasaran kita perlulah terbuka sepertimana pasaran dunia di mana barangan kita akan dijual. Oleh itu, kita perlu terus meningkatkan daya saingan kita jika kita mahu mendapat faedah sepenuhnya daripada regim perdagangan antarabangsa yang semakin liberal.

Tidak dapat dinafikan bahawa usaha yang lebih gigih perlu dibuat bagi meningkatkan lagi daya saingan kita. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Malaysia perlu mewujudkan industri-industri berkelompok yang kompetitif, memperkukuhkan asas-asas ekonomi dan infrastruktur,

memperkemarkan susunan institusi sokongan, mengembang dan memperkukuhkan rangkaian pasaran dunia dan mengekalkan insentif pelaburan dan harga yang sesuai. Prestasi ekonomi pada masa hadapan bergantung kepada keupayaan mengemblend faktor-faktor ini bagi menghasilkan prestasi saingan yang unggul.

Pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh juga menandakan hanya tinggal dua puluh lima tahun lagi bagi kita mencapai matlamat menjadi negara maju mengikut ciri-ciri kita sendiri menjelang tahun 2020. Sesuku abad merupakan suatu jangkamasa yang pendek dalam sejarah sesebuah negara. Kita merancang untuk menjadikan negara kita sebuah negara maju hanya dalam satu generasi, sedangkan negara-negara yang maju telah mengambil beberapa generasi untuk mencapai taraf tersebut. Kita perlu membuktikan kepada dunia, khususnya kepada negara-negara yang memperkecil dan meragui keupayaan kita, bahawa kita mampu melakukannya, iaitu 'Malaysia Boleh'.

Bagi mengiktiraf tenaga dan masa yang telah dicurahkan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ketujuh, mereka yang akan melaksanakannya perlu hanya mengkaji kandungannya dan memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam merangka dan melaksanakan strategi dan rancangan mereka. Rancangan Malaysia Ketujuh ini dirangka dengan tujuan memberi setiap golongan masyarakat Malaysia nikmat hasil pembangunan. Tetapi ini hanya

akan menjadi kenyataan sekiranya setiap individu berusaha bersungguh-sungguh memainkan peranan masing-masing.

Kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala supaya memberi kita kekuatan dan ketabahan hati menghadapi masalah, kegigihan untuk meningkatkan kemakmuran dan keupayaan meninggikan martabat negara kita. Saya percaya, dengan keredaanNya, kita mampu membentuk sebuah negara yang progresif dan makmur, berdikari dan disanjung oleh semua negara. Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. [*Tepuk*]

5.12 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai tahap kemajuan yang boleh dibanggakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Kini Malaysia sudah menjadi sebuah negara model yang dicontohi oleh negara-negara lain, terutamanya negara-negara sedang membangun. Kejayaan-kejayaan ini dapat dicapai melalui usaha-usaha kerajaan yang dedikasi dan komited di samping semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat jelata untuk memaju dan membangunkan negara seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting ialah semua kejayaan ini dapat tercapai kerana negara kita amat bertuah mempunyai seorang Perdana Menteri yang bijaksana dan berpandangan jauh [*Tepuk*] serta dibantu pula oleh seorang Timbalan yang juga tidak kurang handalnya. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan rakyat, kestabilan politik, dasar-dasar yang berwawasan dan berpandangan jauh adalah merupakan faktor-faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian ekonomi dan pembangunan sosial negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rancangan Malaysia Keenam telah mendatangkan banyak manfaat kepada semua kaum. Pendapatan per kapita negara kita telah meningkat daripada RM1,106 pada tahun 1970 kepada RM9,786 pada tahun 1995. Peningkatan pendapatan per kapita yang diukur nilai kuasa beli perbandingan atau purchasing power parity adalah lebih ketara iaitu meningkat dari US\$978 pada tahun 1970 kepada US\$9,470 pada tahun 1995 atau kira-kira RM23,000.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita telah mencapai kemajuan yang mengagumkan, matlamat-matlamat yang digariskan dalam Wawasan 2020 masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Kita tidak harus bersikap terlalu yakin kepada diri sendiri. Sebaliknya, kita hendaklah sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran baru yang muncul dalam arus pembangunan di masa hadapan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan pada petang ini akan terus menekankan usaha peningkatan pembangunan negara. Adalah diharapkan, melalui proses ini, matlamat utama kita untuk membina sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan adil akan menjadi suatu kenyataan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan seharusnya menjadi tunjang kepada segala usaha pembangunan negara demi menjamin kestabilan sosial, politik dan kemajuan rakyat dan negara selanjutnya.

Di bawah perancangan Malaysia Ketujuh, ekonomi negara dijangka dapat mencapai pertumbuhan purata 8% setahun dengan kadar inflasi yang rendah. Dalam tempoh yang sama, kadar kemiskinan dijangka dapat dikurangkan kepada 5.5%, manakala kemiskinan di kalangan golongan termiskin atau absolute poverty akan dapat dibasmi sepenuhnya menjelang tahun 2000. Pada masa itu, rakyat Malaysia akan dapat menikmati taraf dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dimensi baru dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah mengambil kira beberapa aspek penting. Di antaranya, penekanan khas akan diberi di bidang pembangunan sumber manusia, mengintegrasikan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar ke dalam proses pembangunan, mewujudkan budaya berorientasi teknologi tinggi serta menggalakkan pendalaman modal.

Hasil perkembangan ekonomi negara yang pesat telah membawa kepada keadaan guna tenaga penuh dan kadar pengangguran turun dari 6% pada tahun 1990 kepada 2.8% pada tahun 1995. Dengan munculnya masalah kekurangan tenaga kerja, penumpuan harus diberi kepada kegunaan teknologi tinggi dan industri yang kurang memerlukan tenaga kerja. Peningkatan kemahiran, pendalaman modal, pembangunan teknologi dan kemajuan organisasi akan menjadikan tunjang kepada peralihan ekonomi Malaysia. Selaras dengan matlamat ini, usaha-usaha akan diambil untuk menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana mengalihkan tumpuan mereka dari mengutamakan pasaran dalam negeri ke pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, langkah penting ini akan dapat mengubah Industri Kecil dan Sederhana tempatan menjadi entiti-entiti yang lebih dinamis dan mempunyai daya saingan yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh telah menggariskan satu pendekatan yang lebih realistik terhadap usaha-usaha pembangunan negara. Namun begitu, semasa menumpukan perhatian terhadap isu-isu ekonomi, pendekatan yang seimbang juga akan diberi dalam usaha membina sebuah masyarakat yang bermoral tinggi dan kukuh. Penekanan akan diberi kepada amalan nilai-nilai kekeluargaan, disiplin diri dan menghargai seni budaya. Semua nilai-nilai ini patut kita sanjung dan hargai kerana kejayaan

ekonomi tidak memberi makna sekiranya masyarakat kita dicemari dengan masalah-masalah sosial dan gejala-gejala keruntuhan akhlak.

Dalam usaha kita mengejar kejayaan ekonomi, kita hendaklah berwaspada terhadap peningkatan masalah-masalah sosial seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, lepak, jenayah juvana, gaya hidup yang tidak sihat serta ketegangan dalam keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Oliver Goldsmith, seorang yang bijak, seorang penulis yang bijak dan terkemuka dalam tahun 1770, dengan izin,

“As nations accumulate wealth, men deteriorate and decay.

They lose their moral and ethical bases for leadership and growth.”

Oleh itu tuan-tuan....*[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak kempenlah. *[Ketawa]* Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah segera harus diambil untuk menangani masalah-masalah ini sebelum ia menjadi berleluasa sehingga memusnahkan generasi kita yang akan datang dan mengancam arah kemajuan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua rakyat Malaysia supaya terus bekerjasama dengan kerajaan untuk melaksanakan strategi-strategi ini. Tujuan kerajaan adalah untuk meningkatkan paras pendapatan rakyat, memelihara kualiti hidup rakyat dan menjamin kemajuan negara seterusnya supaya generasi akan datang mempunyai masa depan yang lebih cerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.22 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri [*Tepuk*] atas dua sebab [*Ketawa*].

Pertama, kerana pencapaian Rancangan Malaysia Keenam yang nampaknya agak menarik dan kedua, yang lebih penting lagi, adalah kejayaan 'palace coup' beliau melalui penafsiran demokrasi yang paling 'kreatifnya' menghalang bahagian-bahagian UMNO [*Ketawa*] dari mencalon sesiapa selain daripada penjawat yang sedia ada [*Disorak*] untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO dalam pilihan raya parti UMNO bulan Oktober ini, menyebabkan sebarang pencalonan lain untuk kedua-dua jawatan tinggi ini ditolak dan dianggap sebagai tidak sah. Saya tidak tahu sama ada patutkah diucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau sebaliknya.

Ramai rakyat Malaysia tentu merasa ragu-ragu sama ada demokrasi ala-Mahathir ini satu hari nanti akan menyebabkan Malaysia tidak lagi perlu mengadakan pilihan raya umum berdasarkan majoriti lima per enam di

Parlimen. Tetapi semua ini bolehlah kita cerita pada masa lain dan di tempat lain. *[Ketawa]*

Malaysia telah memperolehi pencapaian yang baik dalam Rancangan Malaysia Keenam, mencatatkan pertumbuhan purata 8.7% setahun, yang melebihi sasaran pertumbuhan semakan setinggi 8.1% dalam Kajian Separuh Penggal serta dalam Rancangan Malaysia Keenam asal yang meletakkan 7.5% sebagai sasaran pertumbuhan. Pendapatan per kapita telah bertambah dari RM6,099 dalam 1990 ke RM9,786 dalam 1995.

Semua ini merupakan angka-angka yang menarik dan mereka adalah hasil kerja kuat dan kepintaran rakyat Malaysia untuk memulihkan kedudukan ekonomi Malaysia di arena dunia, kerana semasa kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia memang mendahului lain-lain negara Asia, kecuali Jepun, dalam segi Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita.

Sejak itu, pendapatan per kapita setinggi US\$3,930 kita telah ketinggalan di belakang lain-lain negara, paling ketara sekali adalah Singapura, pendapatan per kapita setinggi US\$26,400, Hong Kong US\$23,200, Taiwan US\$12,265, Korea Selatan US\$10,076.

Dalam dekad pertama selepas kemerdekaan, KNK per kapita Malaysia telah mula ketinggalan di belakang Hong Kong dan Singapura, tetapi masih lagi berada di depan Korea Selatan dan Taiwan. KNK per kapita Malaysia pada

tahun 1967 adalah US\$290 bila dibandingkan dengan Taiwan US\$250 dan Korea Selatan US\$160.

Tetapi selepas 29 tahun pada hari ini, Taiwan telah memecut ke depan dengan mencatatkan KNK per kapita setinggi US\$12,265 atau penambahan 49 kali dan Korea Selatan pula mencatat KNK per kapita setinggi US\$10,076 penambahan yang lebih menarik setinggi 63 kali. KNK per kapita Hong Kong telah bertambah dari US\$620 menjadi US\$23,200 penambahan setinggi 37 kali dan Singapura dari US\$600 kepada US\$26,400 penambahan 44 kali. Sebaliknya, KNK per kapita Malaysia untuk tahun 29 tahun yang lepas hanya bertambah dari US\$290 kepada US\$3,930 ataupun penambahan 13.5 kali sahaja.

Perlu diperhatikan bahawa dari segi bilangan kali penambahan KNK per kapita dalam tempoh 1967 ke 1996, Malaysia juga ketinggalan di belakang Negara Thai, dengan KNK per kapita yang bertambah dari US\$130 kepada US\$2,680 ataupun penambahan sebanyak 21 kali.

Rancangan Malaysia Ketujuh melaporkan bahawa Malaysia mencapai kadar pertumbuhan purata 6.7% setahun dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan 8.7% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan bahawa dalam tempoh lapan tahun sejak 1988, pencapaian ekonomi menjadi lebih menarik lagi dengan pertumbuhan berkekalan setinggi 8.9% setahun.

Sungguhpun terdapatnya pertumbuhan yang menarik ini, selain dari Taiwan, Malaysia masih lagi ketinggalan di belakang lain-lain negara dari segi perbandingan KNK per kapita dalam tujuh tahun yang lepas, kerana penambahan KNK per kapita Malaysia dalam tempoh ini ialah 2.16 kali dibandingkan dengan Taiwan 2.03 kali, Hong Kong 2.41 kali, Korea Selatan 2.58 kali, Negara Thai 2.69 kali dan Singapura 2.79 kali.

Pendapatan per kapita Malaysia memberikan gambaran yang lebih menarik apabila diukur dari segi pariti kuasa pembelian, sebagaimana yang dapat dilihat dari angka-angka berikut:-

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Per Kapita (pariti kuasa pembelian) dalam US\$:

Negara Thai	US\$ 6,870
Malaysia	US\$ 8,763
Korea Selatan	US\$ 10,534
Taiwan	US\$ 13,235
Hong Kong	US\$ 23,080
Singapura	US\$ 21,493

Saya menyebut angka-angka perbandingan ini bukannya untuk meminimumkan pertumbuhan ekonomi dan kejayaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi adalah untuk meletakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi kita dalam konteks serantau dan antarabangsa yang

lebih sesuai. Tambahan lagi, kita tidak boleh mengabaikan fakta-fakta yang tidak menyenangkan yang wujud di sebalik kejayaan ekonomi Malaysia hari ini.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenamlah negara kita menghadapi skandal perbankan dan kewangan yang paling buruk, iaitu skandal urus niaga mata wang asing kerana Bank Negara mengambil keputusan untuk menjadi spekulator besar di dalam pasaran urusniaga mata wang antarabangsa.

Sebuah buku mengenai pasaran keangan antarabangsa 1995, 'The Vandal's Crown' yang ditulis oleh Gregory J. Millman telah menyatakan yang berikut mengenai Bank Negara dan kerugian urus niaga pertukaran mata wang asingnya. Dengan izin:

“Using all the resources a central bank commands - privileged information, unlimited credit, regulatory power and more - Malaysia's Bank Negara became the most feared trader in the currency market. By trading for profit, Bank Negara committed apostasy against the creed of central banking. Instead of working to ensure global financial stability, Bank Negara repeatedly shoved huge sums of money into the most vulnerable market situations in order to destabilize exchange rates for its own profit.” (page 226)

“Bank Negara operated behind a thick veil of secrecy. The bank seldom spoke publicly about its controversial trading activities.

Yet it was increasingly clear to foreign exchange traders that Bank Negara's operation in the foreign exchange markets went far beyond simple self-defense. It became the most awesome currency trader in the world" (page 227)

"Bank Negara's market manipulation was so egregious that one American central banker said, 'If they tried this on any organized exchange in the world, they'd go to jail'. However, in the unregulated international currency markets, there were neither police nor jailers. The only rule was the rough justice of the vandals, and it was this rule that eventually brought Negara down."

"In 1992, Negara took on a large pound sterling position, apparently expecting Britain to maintain the discipline required by the European Exchange Rate Mechanism. It was a bad economic and political judgement. Negara lost approximately \$3.6 billion when Britain drew from the ERM, letting sterling collapse. The next year, Negara lost an addition \$2.2 billion. By 1994, Bank Negara was technically insolvent and had to be bailed out by a infusion of fresh money from Malaysia's Finance Ministry." (page 229)

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini negara kita masih belum mendapat satu penjelasan wang yang sepenuhnya dan menyeluruh mengenai skandal

kerugian Bank Negara dalam urus niaga mata wang asing ini. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan bersedia untuk melaporkan kepada Parlimen cerita sebenarnya di belakang skandal Bank Negara, termasuk jumlah kerugian muktamad yang dihadapi oleh negara kita?

Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, negara kita juga menghadapi skandal kewangan korporat yang paling besar dalam sejarah kita, iaitu krisis kewangan Perwaja kali yang kedua dan Parlimen masih menunggukan pengumuman mengenai hasil penyiasatan ke dalam pengurusan dan kewangan Perwaja yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bulan lepas.

Adalah amat mengesalkan bahawa beliau gagal mengemukakan laporan mengenai krisis kewangan Perwaja supaya sempat dibahas dalam Parlimen ini bersama-sama dengan Rancangan Malaysia Ketujuh .

Kerajaan telah mengambil masa yang terlalu panjang untuk mengemukakan sebarang penjelasan mengenai skandal Perwaja kali kedua ini, sedangkan bekas pengarah pengurusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia telah pun diminta supaya undurkan diri dari jawatan asalnya 8 bulan yang lepas.

Sejak Eric Chia dilantik sebagai ‘penyelamat’ Perwaja pada tahun 1988, rakyat diberitahu bahawa Perwaja telah melalui satu ‘proses pemulihan yang menakjubkan (miraculous)’ bahawa Perwaja Stell telah mula mendapat keuntungan dari akhir bulan Mac 1990 yang dikekalkan sepanjang tahun ke

1994, sehinggakan Eric Chia mula berkata-kata bahawa hendak menyenaraikan Perwaja di bursa saham.

Sepanjang tempoh perjawatan Eric Chia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengumumkan bahawa beliau sendiri akan mengawal selia Perwaja dan mendapatkan laporan bulanan dari pihak pengurusannya, telah melawat ke Perwaja untuk beberapa kali.

Beliau berulang kali melahirkan rasa kegembiraan dengan pemulihan Perwaja, memuji Perwaja secara terbuka kerana mencatat rekod dunia dengan memuatkan kilang besinya di Telok Kalong, Kemaman dengan 13,000 tan sisa besi dalam masa 24 jam dan beliau pernah berkata dalam Februari 1991 “Saya pernah merasa kekecewaan dan frustration di dalam kerajaan, tetapi apabila saya melawat ke Perwaja, saya akan merasa lega.” Beliau juga berkata “Kakitangan di Perwaja telah membuktikan bahawa kita boleh mencapai apa sahaja asalkan kita bekerja kuat, siang dan malam.”

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa orang yang dibawa masuk oleh kerajaan tidak akan berada di Perwaja untuk selamanya dan akan meninggalkan Perwaja selepas mereka memindahkan kepakaran pengurusan kepada orang lain, dan beliau pernah berjenaka dengan Eric Chia secara terbuka dengan berkata “This is why you have to work yourself out of this job”.

Sekarang Tan Sri Eric Chia has work himself out-of-the-job, tetapi bukan selepas membawa kejayaan kepada Perwaja, tetapi adalah selepas menghasilkan satu lagi mala-petaka kewangan yang lebih besar.

Kenaikan nilai Yen tidak dapat menjelaskan perubahan yang mengejutkan ini dan inilah sebab mengapa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri perlu menunaikan janji Parlimennya dan kemukakan satu laporan penuh mengenai skandal kewangan Perwaja kali kedua serta menjelaskan secara menyeluruh mengenai tindakan yang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab secara criminal menyebabkan kerugian wang awam berbilion-bilion ringgit ini. Samalah seperti keadilan yang terlambat adalah keadilan yang dinafikan, akauntabiliti yang terlambat juga sama seperti akauntabiliti yang dinafikan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengakui di Parlimen bulan lepas bahawa laporan awal mengenai audit kewangan dan pengurusan Perwaja telah membongkarkan tingkah laku salah pengurusan dan penipuan yang menyebabkan kerugian sebanyak RM2.5 bilion pada akhir tahun kewangan di Mac 1995. Parlimen masih belum diberitahu tentang kerugian terkumpul pada akhir tahun kewangan di Mac 1996.

Oleh sebab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak sempat mengemukakan laporan skandal kewangan Perwaja yang kali kedua ini untuk perbahasan bersama-sama dengan Rancangan Malaysia Ketujuh, maka

kerajaan harus melanjutkan mesyuarat Parlimen kali ini supaya kita boleh mengadakan satu perbincangan khas mengenai isu Perwaja sejajar dengan prinsip ketulusan dan akautabiliti kepada Parlimen.

Sehubungan ini, rakyat Malaysia tentu merasa ragu-ragu mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih terlalu melindungi Eric Chia sedangkan beliau seharusnya lebih mengambil berat tentang penipuan dan salah pengurusan yang terlindung di sebalik skandal kewangan Perwaja ini.

Ini boleh dilihat dari reaksi beliau terhadap laporan polis yang dilakukan oleh rakan saya Ahli Parlimen iaitu Yang Berhormat dari Jelutong mengenai kehilangan Eric Chia, kerana beliau tidak pernah muncul secara terbuka untuk memberi penjelasan sepenuhnya mengenai peranan beliau.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan. Selepas saya membuat laporan polis "The missing person report" yang mengikut undang-undang boleh dibuat bukan satu perkara yang luar biasa. Barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak faham undang-undang *[Ketawa]* oleh itu ada mengkritik saya bahawa saya ada membuat satu laporan yang tidak ada asas dan boleh jadi satu 'false report' atau sebagai satu ugutan, barangkali satu 'hint' kepada Peguam Negara untuk mengambil tindakan terhadap saya - saya bersedia kerana apa yang saya laporkan adalah benar. Tetapi apa yang saya ingin

mendapat penjelasan daripada rakan saya di sini adalah - sebagai Menteri Dalam Negeri, tidakkah kewajipan beliau untuk membongkarkan di sini dalam Dewan yang mulia ini bahawa adakah Eric Chia dalam negara atau sudah melarikan diri ke negara lain? Adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Tentu saya bersetuju itu adalah tanggungjawab seorang Menteri Dalam Negeri dan saya rela memberi jalan kepada Yang Amat Berhormat untuk memberitahu bukan sahaja Dewan ini, tetapi negara mengenai kedudukan perkara ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin apabila Ahli Yang Berhormat itu menjadi Menteri Dalam Negeri dia boleh membuat jawapan, sekarang ini saya yang menjadi Menteri Dalam Negeri, terpulanglah kepada saya apa jawapan yang saya hendak buat. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Isu ini sebenarnya bukan siapa jawab, tetapi bagaimana suatu jawapan diberi. Dan apa yang lebih penting ialah daripada reaksi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai laporan yang ada dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong, nampaknya lebih minat mengenai satu isu yang begitu - apabila dibanding dengan skandal Perwaja, satu isu yang

dianggap begitu kecil. Kenapa nampaknya mahu protective Eric Chia sedangkan lebih patut protect hak rakyat Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yang Amat Berhormat bangun lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya pegang kepada satu prinsip, iaitu seseorang itu belum bersalah sehingga dianya didapati bersalah. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu tiba-tiba menunjuk minat untuk mengetahui sama ada Eric Chia ini ada dalam negeri ataupun tidak. Banyak orang lagi yang hilang, tetapi dia tak pernah membuat laporan. Tetapi kenapa dia berminat dengan Eric Chia. Tentulah kerana tujuan politik. Tujuan hendak memburukkan kerajaan kononnya kerajaan melindungi Eric Chia. Saya tak melindungi siapa. Siapa juga, kalau Ahli Yang Berhormat pun, kalau belum didapati bersalah, saya kata dia tak salah. Bila dia didapati salah, saya tangkap dia bubuh dalam jel. *[Ketawa]* Itu tugas saya.

Jadi, sebelum salah, tak bolehlah kita buat tuduhan. Kita tahu tujuan dia hendak menghentam orang dengan senang sahaja. Hendak menimbulkan perasaan tidak senang kepada orang lain. Kalau salah, saya sanggup tidak adakan perlindungan kepada sesiapa pun, sama ada kawan saya ataupun anak saya, kalau salah, saya tangkap. Tetapi sebelum salah, saya tak sanggup hendak mendera orang dengan cara publisiti. Ini cara parti lawan, dia tak boleh nak buat lain, dia mendera cara publisiti, buat tuduhan dengan berselindung, kerana

dalam Dewan boleh cakap macam-macam. Itulah cara dia, saya tak buat macam itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau benar bahawa kalau ada salah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri akan menangkap, tetapi sejarah beliau sebagai Menteri Dalam Negeri ialah ada kes-kes di mana mereka yang salah, dia bebas. Mereka yang tidak salah ditangkap. Banyak kes.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dia mengemukakan kes ini, dan menunjukkan pruf kata orang itu salah dan boleh dihadapkan ke mahkamah, ataupun adakah dia tidak terima keputusan mahkamah?

Tuan Lim Kit Siang: Ada kes-kes yang patut ditentukan oleh mahkamah, di mana ada orang-orang yang ada didakwa....

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukan patut. Soalnya, salah atau tak salah. Patut, banyak orang patut. Saya berasa patut juga Ahli Yang Berhormat itu ditangkap dikurung di bawah ISA. Tetapi saya tak tangkap fasal tak patut. *[Ketawa]* Kalau dia bersalah, saya tangkaplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tak tangkap? Ada pernah tangkap! Bila-bila boleh tangkap.

Perdana Menteri: Bila kena masanya, saya tangkap. *[Ketawa]* Ini tak kena lagi, sekarang ini boleh cakap. It is okay.

Tuan Lim Kit Siang: Ada kes-kes kita tahu di mana ada orang didakwa dan dibebaskan, caj-caj diundur, ditarik balik. Dan ada kes-kes kita

semua tahu kes-kes political victimization, sungguhpun dilihat sebagai akan ditentukan oleh mahkamah-mahkamah, tetapi kita tahulah cara di mana kuasa-kuasa memerintah boleh digunakan, boleh disalahgunakan. Ini sangat nyata.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sama ada Ahli Yang Berhormat menuduh saya menguasai mahkamah dan semuanya, kerana nampak seolah-olah dia tak bersetuju dengan keputusan mahkamah, keputusan Pendakwa raya dan sebagainya. Sedangkan sistem kita menerima cara itu. Kalau kita tidak hendak sistem itu, saya hendak tahulah apa sistem yang dia hendak pakai. Apakah dakwaan, prosecution mesti dibuat oleh parti lawan?

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan isu, itu bukan soalan. Soalannya ialah keputusan pendakwa an sungguhpun inilah dalam budibicara pendakwa raya atau Peguam Negara patut pun mematuhi prinsip accountability kepada Parlimen khasnya.

Perdana Menteri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada dia terima ada pendakwa raya ataupun tidak? Adakah dia hendak supaya membawa satu kes untuk menyingkirkan pendakwa raya kerana dia tak percaya kepada pendakwa raya dan sistem pendakwa raya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalannya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju bahawa sungguhpun di bawah Perlembagaan, kuasa pendakwaan ialah dalam jawatan Peguam Negera, ini patut diletak di bawah prinsip accountability dan perlu jawab kepada Parlimen mengenai merit/demerit bahawa Parlimen boleh mengeluarkan perkara ini dan dia perlu jawab melalui menteri yang berkenaan.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat tahu bahawa pendakwa raya membuat dakwaan raya kepada semua orang. Kalau dia tak bersetuju, bawalah kes, tunjukkan kata dia punya pendapat lebih benar dan dia mempunyai bukti tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan bawa kes kepada mahkamah untuk cabar keputusan Peguam Negara mengenai keputusan untuk mendakwa sesiapa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu tentulah ini akan gagal, sia-sia sahaja. Kenapa mahu menafikan orang buat usaha sia-sia? Dia tahu tentu tidak ada apa-apa hasil.

Perdana Menteri: Dengan izin, Ahli Yang Berhormat tidak faham sistem Parlimen. Sistem Parlimen bermakna bahawa apa juga yang boleh dibawa di dalam Parlimen mestilah dapat persetujuan suara yang ramai. Kalau suara yang ramai berpendapat bahawa pendakwa raya salah, barulah dia salah. Pendakwa raya telah membuat kenyataan tentang pendiriannya. Kalau Parlimen hendak bahas, Parlimen boleh bahas, tetapi keputusan bergantung

kepada suara yang terbesar. Kalau suara yang terbesar berpuashati, Ahli Yang Berhormat tak payahlah bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu sistem Parlimen dan kita tahu sistem demokrasi. Kita tahu sistem demokrasi ala-Mahathir! Sebab itu saya ada memula dengan sistem demokrasi UMNO, tak boleh bertanding. Itu sistem demokrasi, sungguhpun ada orang mahu bertanding.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat boleh 'give way', dalam UMNO sudah ada lima Presiden. Dalam DAP baru ada satu sahaja Setiausaha. *[Ketawa]* Belum pun ada siapa yang boleh menjadi Setiausaha. Ini permanent, sampai mati. Bila mati, sudah sedia anak. Anak akan mengambil alih. *[Tepuk]* Ini bukan sistem demokrasi: feudal, iaitu dynasty Lim. *[Ketawa]* Dynasty Lim mestilah dikekalkan.

Dalam UMNO kita ada pemilihan. Hendak tentukan sama ada bertandingnya ataupun tidak, kita tanya kepada ahli-ahli UMNO. Ahli-ahli UMNO kata tak payah bertanding, maka kita tak bertanding. Dalam DAP tak pernah tanya langsung. *[Ketawa]* Sekejap-sekejap saya akan resign. Lepas itu saya baliklah. *[Ketawa]* 'Esok saya akan resign, saya sudah kecewa, saya tak boleh lagi.' Esok pujuklah balik, oh! balik. Karut sahaja, sandiwara! Ini DAP ahli sandiwara. Bila datang dalam Dewan ini pun nak buat sandiwara buat apa? Dalam Dewan, suara ramai yang dihormati, dan itu demokrasi. Tetapi dalam DAP, suara Lim demokrasi. Suara lain macam Karpal ini sebagai sokongan

sahaja, 'supporting cast' yang cuma bercakap untuk mengetawakan rakyat. Sebab itu, pagi ini Lat tunjuk, dia angkat. Mana Eric Chia? *[Ketawa]* Lat pandai. Dia sedar bahawa ini sandiwara, dan sandiwara macam ini tak usahlah berlakon terlangsung panjang dalam Dewan. Dalam Dewan kita hendak dengar cara yang serius. Dia buat ucapan yang cukup panjang, belum pun dengar ucapan saya. Jadi, maknanya dia datang sini bukan hendak dengar fasal Rancangan Malaysia Ketujuh. Dia datang ke sini hendak bercakap fasal lain, dan apa juga saya kata, dia akan terus dengan ucapan dia. Apa yang government kata, is not important. What is important is "The Great Kit Siang" yang perlu berkata sedemikian. Saya ucap tahniahlah kerana dalam sistem feudal memanglah seorang raja mesti diganti dengan anaknya. Ucapan tahniah kepada anaknya. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya faham kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu emosional. Saya faham - oleh kerana dia tahu itu benar bahawa point yang saya kemukakan bahawa cara yang menafikan sesiapa untuk bertanding ialah tidak demokratik. Itulah democratic democracy. Sebab itu beliau buat tohmahan-tohmanah terhadap saya oleh kerana sangat emosional dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun senyum di sana. Saya pun faham. *[Ketawa]*

Tadi Yang Amat Berhormat kata adalah tidak benar, bukan seorang Setiausaha Agung dalam DAP, ada 3 orang, itulah adalah fakta-fakta yang tidak

betul, dan fakta ini bukan mustahak, apa yang mustahak ialah beliau mahu membela sendiri mengenai keputusannya dan dia tahu dalam hatinya tentulah tidak demokratik - kes yang pertama di dunia di mana seolah-olahnya itu demokratik tetapi tidak boleh bertanding. Tetapi ini terpulang.....

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang:saya tahu, nanti saya habiskan dahulu. *[Ketawa]*. Cara pemilihan dalam parti ialah kita ada satu sistem demokrasi - pemilihan dan itu kita tidak payah putar belitkanlah. Mengenai ucapan, kita pun ada teliti, oleh kerana apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri utarakan pun ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kita tahu, kita faham dan kita ikut dan kita bertanggungjawab dalam perkara ini. Saya sebut Eric Chia tadi, oleh kerana nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih berminat dalam perkara skandal Eric Chia bukan mengenai masalah akauntabiliti wang rakyat tetapi kepentingan Eric Chia - itu sahaja dan ini ada disebut.

Berbalik kepada tajuk Perwaja, kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pandai untuk extract attention from the real issue, apa yang saya tanyakan tadi ialah mengenai Eric Chia - adakah dia berada dalam negara atau tidak? Sebagai Menteri Dalam Negeri tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui - itu soalnya. Bukan lain-lain -

demokrasi dan apa-apa yang lain. Itu untuk extract the attention, take away from the subject, brought out the the fact, concentrate on this subject. Apabila saya membuat laporan polis mengenai Eric Chia, put aside love dan sebagainya, di sini, di Kuala Lumpur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghentam saya - oh, orang yang membuat satu laporan polis yang tidak ada asas tidak berani dan bersedia untuk menerima akibat. Di Kota Kinabalu, IGP Rahim - bukan Rahim yang jahat itu, dia menyatakan laporan polis yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong akan disiasat dan ada procedure untuk disiasat - beliau bukan menghentam saya, bukan menyatakan bahawa apa yang saya buat melanggar undang-undang - ada perbezaan. Pendirian Perdana Menteri adalah apa yang dibuat tidak mengikut undang-undang. Yang memegang kuasa iaitu IGP, ia menyatakan, apa yang hendak dibuat olehnya ialah membuat siasatan untuk menentukan asas kepada pertuduhan itu.

Sekarang bolehkah saya mendapat tahu di sini melalui rakan saya Tanjong, adakah Perdana Menteri berani untuk menyatakan apa yang benar dalam Dewan yang mulia ini. Jangan bohong-bohong - itu menjadi satu taktik yang digunakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, minta penjelasan daripada Tanjong bukan kepada Perdana Menteri. Tanjong sedang berucap.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu tahu daripada rakan saya, bukan daripada dia - melalui Tanjong, mengenai apa yang saya nyatakan tadi. Saya mengetahui peraturan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya mengingatkan sahaja Yang Berhormat, kadang-kadang Yang Berhormat lupa.

Tuan R. Karpal Singh: Dan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri “saya tangkap” - Menteri Dalam Negeri tidak ada kuasa untuk tangkap sesiapa. Adakah tahu itu? Langsung tidak ada kuasa. Ada dinyatakan mengenai pendakwaraya - bukan menyoal keputusan yang dibuat oleh seorang Pendakwaraya, tetapi adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - saya bertanya kepada rakan saya di sini, adakah dia bersetuju dengan cadangan saya, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghormati keputusan-keputusan mahkamah. Ada beberapa kes *Habeas Corpus* di mana sebagai Menteri Dalam Negeri, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagai the nombor one in this country, adakah dalam kes-kes ini menghormati keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan? Adakah itu pendirian, satu sikap yang baik bagi seseorang yang dianggap tertinggi di Asia ini?

Tuan Lim Kit Siang: Itu isu polis report mengenai Eric Chia dan saya beri laluan, melalui Tanjong kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjelaskan, kalau beliau mahu.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Terima kasihlah. Saya ditanya oleh seorang lawyer yang tahu prosiding. Jadi, dia tidak tanya direct, dia guna saluran kawan dia. Sebenarnya pendapat antara kedua orang ini berbeza. Satu kata saya ini emosional, yang satu lagi kata saya ini pandai pula. I think they have to decide among themselves - pandaikah atau emosional. Saya tidak emosional fasal ini subjek gelak ketawa. Kalau gelak ketawa itu emosion, saya emosionallah di waktu ini because they provide entertainment bagi Dewan ini, terutama Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Saya ingin memberi tahu bahawa semasa saya membuat kenyataan, saya membuat kenyataan semata-mata kerana pada pendapat saya Ahli Yang Berhormat bertanya di mana duduk orang ini. Kalau dia sudah lari, polis investigate, jadi, dia betul. Tetapi kalau dia tidak lari, dia sepanjang masa ada dalam negeri, dan ini menjadi kenyataan bila polis membuat investigation. Saya hendak tahu kenapa dia hendak tahu sangat di mana duduk Eric Chia ini. Banyak orang lain yang hilang dia tidak tanya, tetapi dia tanya fasal Eric Chia. Bermakna dia bermaksud politik.

Sebab itu saya hendak tahulah sama ada dia buat laporan ini kerana politik ataupun kerana begitu sekali sayang kepada Eric Chia - hendak cari,

kerana biasanya orang yang membuat laporan 'missing person' ini adalah saudara-mara ataupun kawan akrab orang itu, kerana sayang, hendak cari orang yang hilang ini, rasa tidak senang hati kerana sudah hilang, ini bukan berniat itu langsung. Saya tidak tahulah sama ada dia adik beradik kepada Eric Chia yang menyebabkan dia membuat kenyataan ini. *[Ketawa]*

Tentang kuasa saya hendak tangkap, sebenarnya Rahim yang berada di Kota Kinabalu itu, dia pun tidak ada kuasa hendak tangkap, bukan orang itu tangkap baru dia berkuasa. Tetapi bila saya sign sesuatu kertas, yang kata boleh tangkap orang ini bermakna saya berkuasa jugalah tangkap, tidak payahlah saya pergi tangkap sendiri. Macam dia masuk duduk dalam tahanan hari itu, sayalah yang sign itu. *[Ketawa]*

Jadi, saya berasa bila hendak sign itu kesihan juga, tetapi saya sign, dia kena tangkaplah, orang lainlah yang pergi tangkap dia. Bukanlah hendak suruh Rahim pergi tangkap, hendak suruh Ketua Polis pergi tangkap baru kena tangkap. Tetapi kuasa tangkap itu ada juga kepada saya sedikit sebanyak, kita sign dia kena tangkap, kuasa tangkap ada kepada saya, kadang-kadanglah bukan selalu. *[Ketawa]*

Jadi, dia pun pandailah juga fasal undang-undang, saya tak tahulah fasal undang-undang ini, tetapi sedikit-sedikit tahulah, fasal dok sign itu kena tahu juga. Sign apa? Warrant for arrest, ada orang kata, orang ini kena tangkap, orang ini kena tahan lebih panjang masanya atau apakah. Itu saya yang sign,

kerana ada kuasa yang diberi kepada saya untuk meluluskan permohonan daripada pihak polis untuk menahan si folan, si folan. Jadi, saya ada kuasa tangkaplah. Jadi, saya tak hendak gunalah kuasa tangkap ini untuk Ahli Yang Berhormat waktu ini, kalau ada masa lain, kalau terpaksa guna, saya akan gunakan. *[Ketawa]*

Tetapi berkenaan dengan Eric Chia, saya hendak tahu, saya tak tahu sama ada dia ada di dalam negeri ataupun tidak, cuma saya bercakap itu dari segi politik sahaja bukan dari segi undang-undang. Kalau polis kata dia ada, dia adalah, kalau polis kata dia tidak ada, dia tidak adalah. Tetapi kalau polis kata dia ada, sedangkan Ahli Yang Berhormat membuat insinuation, membuat sedikit-sedikit cucuk hendak berkata orang ini sudah lari dan sedikit sebanyak barangkali ada juga hendak imply kata barangkali Perdana Menteri menolong orang ini lari. Saya tak tahulah, saya bukan jaga belakang Eric Chia. Saya tak gunalah perkataan lain tetapi kata belakang cukuplah, dia fahamlah. *[Ketawa]* Bukan kerja saya yang itu. Tetapi kalau Eric Chia ada dalam negeri, cari, kalau tidak ada, kalau kita perlu mengambil tindakan, kita mengambil tindakan, tetapi tunggulah sampai polis memberi laporan, apa yang hendak gaduh tanya kepada saya? Saya tak tahu tentang Eric Chia, dia ada atau tidak ada, mungkin dia ada, mungkin dia tidak ada, saya mana tahu?

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa jawapan yang senang kepada persoalan bagi pihak Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kenapa membuat laporan polis

ialah demi kepentingan orang ramai, the public interest, in the public interest oleh kerana satu isu of public interest.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Mengganggu]*

Tuan R. Karpal Singh: Perlu memberi sedikit pengajaran kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bukan lawyer, ada perbezaan ‘tangkap’ bukan ‘menahan’. Tahanan dan tangkap - lain. Ada faham? Sebagai Menteri Dalam Negeri, Yang Amat Berhormat tidak ada kuasa untuk tangkap. Kuasa berada dalam tangan polis untuk menangkap di bawah Seksyen 73 ISA, ada baca itu? Barangkali tidak baca! *[Ketawa]* Menahan itu lain. Bila menandatangani perintah tahanan itu jadi tahanan bukan tangkap. Can you understand that? Tetapi itu bukan apa yang penting sangat.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang penting adalah ini, adakah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya bahawa laporan polis yang telah dibuat adalah berikutan dua laporan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ada mengetahui? Dua laporan kepada ACA dan di sini, dan dalam Dewan yang mulia ini rakan saya dari Kota Melaka ada menanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di mana Eric Chia? Tidak ada apa-apa balasan daripada dia. Selepas sebulan saya tunggu, bukan terus pergi kepada polis, polis bukan kawan saya, musuh saya. Sebulan

saya menunggu, tidak ada apa-apa. Eric Chia tidak muncul dalam negara ini atau luar daripada negara untuk menafikan atau confirm apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Itulah latar belakang barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu jawab, kawan karib Eric Chia ini, barangkali ada dalam rumah kediaman sendiri, barangkali ada di sana. *[Ketawa]* Sebab apa yang penting adalah ini, adakah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takut, tidak berani untuk

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Jelutong, sebentar ya, Rompin bangun Yang Berhormat. Ada apa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: No, dia tidak boleh, dia tidak ada!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
, Yang Berhormat, sekejap, point of order!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(6) ini. Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain. Adakah Ahli Yang Berhormat Jelutong ada bukti menuduh yang Eric Chia bersembunyi di rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Ini saya nampak perangai Jelutong yang ini melampau ini! Tak ada style.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, kita cukup faham Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri tahu tentang Peraturan Mesyuarat ‘sangkaan jahat’, saya ingat.

Tuan R. Karpal Singh: No, dalam fikiran saya barangkali dia ada di Seri Perdana, barangkali sembunyi di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sekejap Yang Berhormat! Biar saya memberi sedikit penerangan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Saya tidak mahu Ahli Yang Berhormat mengulangi perkara-perkara seperti itu, menuduh bahawa Eric Chia bersembunyi dalam rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sangkaan jahat. Saya harap Ahli Yang Berhormat tarik balik. Ini Peraturan Mesyuarat!

Tuan R. Karpal Singh: Tarik balik apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, saya sebagai Pengerusi, point of order yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin itu adalah benar.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam fikiran saya barangkali polis boleh siasat, boleh pergi ke sana jikalau dia tidak ada di sana - habis!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Point of order yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin itu

adalah benar! Yang Berhormat mengatakan seolah-olah bahawa Perdana Menteri menyembunyikan Eric Chia di dalam kediaman beliau. Itu adalah satu sangkaan jahat.

Tuan R. Karpal Singh: Sangkaan jahat? Saya membuat laporan polis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tidak mengatakan laporan polis, saya mengatakan komen Ahli Yang Berhormat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik.

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak membuat apa-apa sebagai bantahan kepada apa yang saya cakap - 'who is this man?'

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, tentang apa-apa yang berlaku di dalam Dewan ini adalah hak semua Ahli untuk membuat bantahan sekiranya ada Peraturan Mesyuarat telah dilanggar.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Boleh! Boleh! Tidak berbangkit untuk membuat apa-apa! [*Pembesar suara dimatikan.*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Saya ingin menerangkan sekali lagi. Semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini berhak untuk membangkitkan Peraturan Mesyuarat. Saya minta Ahli Yang Berhormat secara pendeklah, untuk menarik balik perkataan itu kerana Ahli-ahli Yang Berhormat lain mengatakan bahawa perkara itu sangkaan jahat. Dan saya bersetuju! Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik perkataan itu dan teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, tak payah perlindung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. - Tak payah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, itu sangkaan jahat kepada saya lagi Yang Berhormat. Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik perkataan itu - selesai!

Tuan R. Karpal Singh: Boleh tarik balik, itu tidak ada masalah. Tetapi apa yang saya mahu mendapat tahu dari Ahli dari Tanjong adalah perkara ini, kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takut, tidak berani untuk memberi kenyataan yang benar mengenai Eric Chia? Kenapa memberi perlindungan kepada dia? Saya mahu dapat tahu dari Ahli dari Tanjong.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Speaker, minta dia tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Rompin, dia sudah tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Rompin boleh duduk, tak payah perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli Yang Berhormat dari Rompin diminta duduk, dia sudah tarik balik. Ya, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tentulah kita mahu tahu, kita harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengeluarkan satu kenyataan mengenai perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ditanya secara direct, kenapa saya melindung dan tak mahu buat kenyataan? Saya tak buat kenyataan kerana saya tak tahu, macam mana saya hendak buat kenyataan? Saya tak tahu sama ada Eric Chia ada di dalam negeri ataupun tidak! Saya pun bergantung kepada polis juga, buat penyelidikan. Tetapi Ahli Yang Berhormat nampaknya tahu kata Eric Chia ada dalam rumah saya. Kalau ada di dalam rumah saya, pergi buat laporan polis. Polis boleh pergi tengok di rumah ada atau tidak ada! Tetapi, yang saya hendak tahu yang dia membuat tuduhan ini kerana politikkah atau kerana benar-benar dia sayang kepada Eric Chia yang dia kata Eric Chia ada dalam rumah saya ini. Kalau kerana politik - okaylah. Katakan, 'saya cakap perkara ini kerana politik'. Itu kita fahamlah. Tetapi, buat tuduhan kata Eric Chia dok ada di rumah saya, bercakap macam ini, nampak dia hendak mengajar saya berkenaan dengan undang-undang. Undang-undang dalam Dewan ini yang 'very simple' cuma buku besar itu sahaja pun dia

tidak tahu! *[Ketawa]* Dia kata, kalau saya tak protest, orang lain tak payah protest.

Sebenarnya, dalam perkara melanggar Peraturan-peraturan Mesyuarat siapa pun boleh membangkitkan, dia quote apa seksyen dia berhak untuk bercakap. Tetapi dia kata saya tak protest, saya tak hendak protest itu saya punya hallah, tetapi orang lain hendak protest, itu hak dia! *[Ketawa]* Sepatutnya, dia pergi belajar balik undang-undang! *[Ketawa]* Dia tidak berapa lulus ini! *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya teruskan. Kerajaan, termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak jujur sepenuhnya mengenai skandal PERWAJA. Sebagai contoh, saya pernah bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bulan lepas, mengapa KWSP memberikan pinjaman sebanyak RM600 juta untuk ‘menyelamatkan’ PERWAJA sedangkan beliau telah menasihatkan semua institusi kewangan supaya jangan memberi sebarang pinjaman kepada PERWAJA sehingga kerajaan menjalankan siasatan menyeluruh dan membuat keputusan muktamad mengenai PERWAJA.

Dan beliau, mengikut *Hansard* 8hb. April adalah berkata seperti berikut:

“Pertama sekali saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak benarkan PERWAJA mengambil pinjaman baru untuk menambah facility dan expansion tetapi kita benarkan syarikat juru audit untuk berunding tentang kedudukan atau status hutang piutang yang sedia ada.

Kedua, saya ingin jelaskan bahawa KWSP tidak memberi pinjaman yang dimaksudkan iaitu untuk menyelamatkan PERWAJA. Pinjaman yang melibatkan KWSP dengan jaminan kerajaan semata-mata untuk kedudukan pemulihan dana hutang yang terdahulu. Tidak untuk melibatkan dalam proses pinjaman untuk kegiatan atau projek tambahan KWSP yang kemudian terkeluar daripada bidang tanggungjawab dan jaminan yang kita berikan”.

Itulah kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri .

Apa yang dikatakan oleh beliau jelas bertentangan dengan kenyataan umum yang dibuat oleh Pembantu Pengurusan KWSP, Puan Rusman Ibrahim sebagaimana yang dilaporkan di dalam *Business Time* pada 30hb. Mac 1996, yang mengakui bahawa kerajaan telah memberikan kelulusan kepada KWSP supaya membekalkan pinjaman RM600 juta kepada PERWAJA Steel dengan kadar faedah 9% untuk, dengan izin, for the expansion of PERWAJA Steel Rolling Mill in Gurun, Kedah”. Malah, beliau berkata bahawa KWSP telah menerima jaminan dari PERWAJA bahawa pinjaman ini akan hanya digunakan di atas urusan kilang pengelek dan bukannya untuk lain-lain tujuan.

Memandangkan kenyataan yang bertentangan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan KWSP, serta nasihat Menteri kepada institusi-institusi kewangan supaya jangan membuat pinjaman kepada PERWAJA, maka apakah sebenarnya sifat pinjaman KWSP sebanyak RM600 juta kepada PERWAJA ini?

Parlimen dan khasnya 7.4 juta orang contributors KWSP berhak tahu memandangkan ini merupakan pinjaman kali kedua oleh KWSP kepada PERWAJA selepas pinjaman kali pertama pada akhir tahun 1980 sebanyak RM130 juta dan adakah pinjaman pertama itu telah dikembalikan?

Satu lagi perkembangan yang tidak sedap dalam tempoh Racangan Malaysia Keenam adalah krisis keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan Badan Kehakiman, sebagaimana yang dipertunjukkan oleh surat layang setebal 33 muka surat yang mendakwa bahawa tindakan rasuah dan salah laku berlaku di dalam Badan Kehakiman serta cara kerajaan mengendalikan isu ini.

Pada majlis pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Perundangan Commonwealth baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa petunjuk yang penting untuk sesuatu masyarakat madani terletak pada pentadbiran keadilan dan bahawa tidak ada apa yang lebih tragik dari undang-undang diurus secara tidak adil, malah beliau membuat satu seruan lantang supaya pada masa yang sama, mahkamah undang-undang harus juga menjadi mahkamah keadilan.

Ini merupakan masalah pokok krisis kedua Badan Kehakiman di Malaysia di mana rakyat Malaysia tidak lagi menganggap mahkamah undang-undang sebagai mahkamah keadilan, dan inilah mungkin sebab mengapa siri rancangan TV, *Justice Bao* menjadi satu siri yang begitu popular di kalangan

rakyat Malaysia semua kaum, malah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengakui dirinya juga seorang peminat. Apa yang diperlukan oleh Malaysia adalah wujudnya lebih ramai Hakim Bao yang memulihkan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan kehakiman.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat ucapan-ucapan yang sungguh menarik mengenai peranan Badan Kehakiman. Berikutan dengan Kod Etika yang diwartakan pada Disember 1994 untuk hakim-hakim dengan tujuan memastikan orang ramai berkeyakinan dengan integriti dan kebebasan Badan Kehakiman, keyakinan orang ramai terhadap Badan Kehakiman seharusnya berada pada titik yang paling tinggi. Malangnya apa yang berlaku tidak secocok dengan apa yang diharapkan, kerana keyakinan orang ramai terhadap Badan Kehakiman di negara ini telah menjunam ke tahap yang paling rendah dalam sejarah Malaysia.

Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang Commonwealth yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini telah membentuk satu kumpulan bertugas untuk menjalankan kajian perbandingan mengenai kebebasan Badan Kehakiman di kalangan negara-negara Commonwealth. Apa yang mengecewakan adalah kehormatan untuk memimpin kumpulan bertugas Commonwealth mengenai kebebasan Badan Kehakiman ini tidak diberikan kepada Malaysia, yang biasanya merupakan amalan untuk penganjur sesuatu

conference, dan ini nampaknya menggambarkan kenyataan tentang pandangan Commonwealth secara am mengenai kekurangan keyakinan terhadap kebebasan kehakiman di Malaysia.

Sungguhpun kerajaan nampaknya agak alergi terhadap seruan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasatan DiRaja untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan Badan Kehakiman, tetapi kerajaan mesti mempertimbangkan cadangan ini secara serius kerana tidak ada lagi sebarang apa cara lain yang dapat menyelesaikan isu penting masa kini terutama sekali penyiasatan ke atas surat layang setebal 33 muka surat mengenai Badan Kehakiman nampaknya semakin lenyap, dan terutama sekali Badan Pencegah Rasuah tidak berkuasa untuk memulakan sebarang penyiasatan ke atas dakwaan terhadap para hakim melalui inisiatifnya.

Ada rakyat Malaysia yang memelihara satu sikap yang singkat fikirannya yang berpendapat bahawa skandal-skandal kewangan seperti fiasco urusan mata wang asing Bank Negara, skandal kewangan PERWAJA kali yang kedua dan malah krisis keyakinan terhadap Badan Kehakiman, semua ini sebagai kos yang tidak dapat dielak dan harus diterima untuk pertumbuhan ekonomi negara kini yang sungguh menggalakkan.

Kita harus mendapat pengajaran dari pengalaman Korea Selatan. Pada masa kini, politik dan masyarakat Korea Selatan sedang mengalami huru-hara bukannya disebabkan oleh apa yang berlaku sekarang tetapi oleh apa yang

berlaku masa lampau, di mana bekas Presiden Korea Selatan Chun Doo Hwan telah mengakui menerima slash fund berjumlah RM2.2 bilion manakala seorang lagi bekas Presiden Roh Tae Woo pula menerima wang rasuah RM1.62 bilion.

Lapan tahun penjawatan Chun Doo Hwan sebagai Presiden dan lima tahun penjawatan Roh Tae Woo sebagai Presiden bukanlah satu tempoh di mana ekonomi meleset di Korea Selatan. Sebaliknya dalam tempoh itu ekonomi negara berkenaan berkembang dengan pesat sekali. Dalam tempoh penjawatan Chun Do Hwan sebagai Presiden selama lapan tahun, ekonomi Korea Selatan berkembang dengan purata 7% setahun, mencapai 9.3% dalam 1983, manakala semasa Roh Tae Woo menjadi Presiden, purata pertumbuhan ekonomi tahunan negara itu mencapai 7.5% dengan pencapaian paling tinggi dalam 1988 iaitu 11.5%.

Slash funds Presiden-presiden Korea Selatan yang bernilai berbilion-bilion ringgit harus dijadikan sebagai pengajaran dan pembuka mata kepada rakyat Malaysia bahawa bukan sahaja wujudnya muka yang hodoh di sebalik kemajuan ekonomi, malah wujud juga muka-muka yang terselindung yang tidak diketahui buat masa sekarang. Contoh Korea Selatan harus dijadikan amaran kepada rakyat Malaysia supaya mengumumkan perang terhadap rasuah dengan sikap yang lebih serius, terutama sekali memandangkan Malaysia

terletak tidak jauh sangat dari Korea Selatan dalam penempatan di atas indeks rasuah antarabangsa Transparency International.

Di dalam senarai indeks rasuah antarabangsa Transparency International, Malaysia diletakkan di tempat ke-23 dalam kalangan 41 negara yang dikaji sementara Korea Selatan berada di tempat ke-27. Bulan yang lepas, apabila saya cuba mengemukakan satu usul mengenai indeks rasuah antarabangsa Transparency International ini, kerajaan telah mengambil satu pendirian bahawa ia tidak tahu menahu tentang kewujudan serta operasi Transparency International.

Saya berharap kerajaan tidak akan mengulangi lagi episod sebegini dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh ini dan sebaliknya mempertunjukkan sikap yang lebih serius dalam menghadapi isu rasuah. Pemimpin-pemimpin kerajaan sering berbangga dengan Laporan World Competitiveness 1995 yang meletakkan Malaysia di tempat keempat dalam kategori kerajaan tetapi berpura-pura tidak tahu bahawa dalam laporan yang sama, di bawah kategori kerajaan mengenai perlakuan tidak wajar (improper practises) yang merujuk kepada rasuah, kedudukan Malaysia adalah diletakkan di tempat ke-23 di kalangan 48 negara yang dikaji.

Laporan World Competitiveness 1995 merupakan salah satu dari 7 kajian yang dilakukan digunakan oleh Transparency International untuk Poll of Polls, dengan izin, bagi penyenaiaan rasuah antarabangsa dan masalah rasuah

yang semakin merunsingkan di Malaysia telah dibuktikan wujud melalui kajian terbaru yang dijalankan oleh Syarikat Political and Economic Risk Consultancy yang bertapak di Hong Kong yang dikeluarkan bulan lepas yang melaporkan bahawa Malaysia merupakan salah satu dari lapan negara yang dikaji di Asia tahun ini di mana masalah rasuah semakin serius.

Dua minggu yang lepas di Malta, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa satu-satu cara untuk menghapuskan rasuah adalah perasaan takut kepada Tuhan - fear of God. Memandangkan kini Malaysia diletakkan di dalam tempat ke 23 di atas indeks rasuah antarabangsa transparency international, kita harus berfikir sebab mengapa rakyat Malaysia kurang takut kepada Tuhan bila dibandingkan dengan 22 negara yang lain seperti New Zealand, Singapura, Kanada, Australia, Britain, Hong Kong, Perancis dan Jepun, sungguhpun untuk sesuku abad ini, kerja-kerja pembinaan negara Malaysia adalah berlandaskan kepada Rukun Negara di mana salah satu prinsip utamanya adalah Kepercayaan Kepada Tuhan dan kononnya nilai-nilai Islam juga telah diserapkan ke dalam pentadbiran awam selama dua puluh tahun ini.

Perang terhadap rasuah jelas tidak terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sungguhpun ia merupakan peluang yang baik bagi kita memperbaiki dan memulihkan usaha menentang rasuah dan penipuan serta penyalahgunaan kuasa di tempat-tempat tinggi arena politik dan awam demi,

antara lain, menghapuskan imej rasuah yang semakin buruk untuk Malaysia dalam dunia antarabangsa.

Satu kempen kebangsaan harus dibentuk dan dilaksanakan untuk memastikan bahawa Malaysia tidak akan mengikut jejak langkah Korea Selatan dalam segi rasuah, yang bukan sahaja melibatkan usaha meningkatkan taraf Badan Pencegah Rasuah supaya berautonomi dan menjawab kepada Parlimen serta penggubalan undang-undang anti-rasuah baru untuk menambahkan kuasa pencegahan rasuah di samping mempertingkatkan penalti kesalahan rasuah, tetapi juga melibatkan usaha menggubal undang-undang baru untuk menggalakkan budaya membongkar rasuah.

Salah satu cara untuk memupuk budaya membongkar rasuah adalah dengan mengadakan undang-undang 'whistleblowers' untuk melindungi mereka yang membangkitkan perkara-perkara yang bertentangan dengan kepentingan orang ramai, sama ada ia melibatkan rasuah, salah laku atau pun salah pengurusan. 'Whistleblowing' adalah sesuatu yang berkaitan dengan sikap terbuka, akauntabiliti, kesaksamaan, keadilan dan akhirnya demokrasi.

'Whistleblowers' yang membongkarkan isu-isu rasuah, penipuan dan salah kendali tabung awam di dalam perkhidmatan awam tidak harus dilihat sebagai penjenayah atau didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi, tetapi harus dilihat sebagai rakyat yang bersemangat kepentingan orang awam yang menjalankan tugas untuk orang ramai. Oleh sebab 'whistleblowers' ini

bertindak demi kepentingan orang ramai, mereka harus dilindungi dengan sepenuhnya di bawah undang-undang 'whistleblowers' ini untuk memberikan makna yang lebih menyeluruh kepada prinsip kerajaan terbuka dan berakauntabiliti.

Rancangan Malaysia Ketujuh harus dipuji kerana meluangkan satu bab penuh membincangkan mengenai teknologi maklumat. Kali pertama teknologi maklumat dialamatkan secara serius dalam enam buah rancangan sepanjang lima tahun dan enam kali kajian separuh penggal dalam tempoh tiga dekad.

Ini juga telah mewajarkan seruan berulang kali yang dibuat oleh DAP supaya dibentuk satu dasar teknologi maklumat dengan matlamat yang ditafsir secara jelas mengenai infrastruktur maklumat kebangsaan serta kedudukan di dalam infrastruktur maklumat global untuk memposisikan Malaysia di dalam baris depan revolusi maklumat demi membawa Malaysia ke abad 21, sungguhpun dasar sebegini masih belum dibentuk lagi.

Malaysia agak lambat dalam usaha kita merealisasikan kepentingan kritikal teknologi maklumat ini demi memperkukuhkan lagi competitiveness kita di dalam pasaran global serta kualiti hidup rakyat Malaysia.

Inilah sebabnya sampai kini barulah kita secara rasmi mengkaji dan mengakui kepentingan teknologi maklumat di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, walhal negara-negara lain telah pun mendahului kita dalam menyediakan masyarakat mereka untuk menghadapi revolusi maklumat.

Sebagai contoh, Singapura telah menubuhkan Lembaga Komputer Kebangsaan atau National Computer Board pada tahun 1981 apabila negara berkenaan kekurangan profesional-profesional dan pakar-pakar IT. Kini ia berhasrat menubuhkan sekumpulan profesional IT seramai 35,000 pada tahun 2000.

Dalam 15 tahun yang lepas, NCB telah memainkan peranan penting dalam membentuk landskap IT di Singapura dan dalam kerja-kerja memajukan negara berkenaan ke arah zaman maklumat, dengan mewujudkan perkhidmatan awam yang dicomputerisekan, industri IT tempatan dan perkhidmatan tenaga manusia IT yang berkembang dengan pesat serta kadar literasi IT yang menduduki tempat ketiga di seluruh dunia.

Dalam tahun 1991, NCB membentuk Wawasan IT2000 untuk membina sebuah pulau cerdas atau intelligent island supaya menjadi salah sebuah negara di dunia yang memiliki infrastruktur maklumat maju seluruh negara dan konsep pulau berdawai atau wired island dan mencapai setiap rakyat Singapura dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi teknologi maklumat.

Dalam Rancangan Induk IT2000nya, terkandung lima strategik utama iaitu:

- (i) membentuk satu hub global;
- (ii) memperbaiki kualiti hidup;
- (iii) menggalakkan mesin ekonomi;
- (iv) menghubungkan masyarakat tempatan dan global; dan
- (v) memperkukuhkan potensi individu.

Singapura bukanlah satu-satu negara sahaja yang mendahului Malaysia dalam kerja membuat persiapan menghadapi zaman maklumat. Di Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Australia, New Zealand dan negara-negara Eropah, kajian-kajian dan laporan-laporan peringkat tinggi telah dilakukan, diumumkan dan dibahas secara meluas mengenai persoalan bagaimanakah kerajaan, sektor swasta dan rakyat biasa boleh response ke atas cabaran yang dibawa oleh revolusi baru teknologi maklumat, semua, kecuali Malaysia.

Malah, Filipina telah pun membentuk Rancangan Teknologi Maklumat Kebangsaannya, (NITP2000) tahun lepas dengan Wawasan Filipina Pintar atau A Smart Philippines sebagai strateginya untuk mendorong negara berkenaan menghadapi persaingan global atau people empowerment dan pembangunan sosio-ekonomi.

Mungkin sebab inilah ada satu laporan pada tahun lepas yang menyatakan bahawa Filipina mempunyai backbone Internet yang paling canggih di Asia kerana ia telah memasang sambungan E-I dengan kelajuan transmission 2.4 megabits sesaat, manakala Malaysia hanya memasang sambungan sebegini pada bulan Mac tahun ini.

Nampaknya Malaysia merupakan negara maju dan NIC yang paling lambat sekali memajukan dasar IT kita. Rancangan Malaysia Ketujuh menyentuh mengenai prospektif Rancangan Bertindak Kebangsaan yang akan dibentuk oleh NITC atau Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, walhal

kebanyakan negara telah pun memiliki rancangan IT sekurang-kurangnya sampai tahun 2000.

Baru-baru ini ada orang yang mengatakan bahawa setahun umur manusia adalah sama seperti lima tahun umur Internet. Beliau merujuk kepada kepantasan point-and-click freeware yang dimajukan oleh Universiti Minnesota yang berdasarkan teks iaitu Gopher yang agak berjaya, tetapi dianggap sebagai usang bila dibanding dengan aplikasi baru Internet, iaitu Savy Multimedia World Wide Web dalam masa tiga tahun sahaja, pada tahun 1993.

Peringatan bahawa setahun umur manusia adalah lebih kurang lima tahun umur Internet adalah relevan, bukan sahaja sebagai amaran kepada kita supaya terus memajukan dan mengemaskinikan posisi kita mengenai teknologi maklumat, bahkan juga supaya kita berusaha berlipat ganda tenaga untuk menghapuskan jarak kita yang terletak di belakang negara-negara lain dalam usaha membina infrastruktur maklumat kebangsaan.

Kerajaan telah mengumumkan mengenai pembinaan Multimedia Super Corridor atau MSC seluas 15 kali 40 kilometer dari KLCC di utara sampai ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang sebelah selatan sebagai tumpuan strategi IT kebangsaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. MSC ini yang akan menjadikan pusat pentadbiran baru di Putrajaya satu 'bandar cerdas' memakan kos antara RM2 bilion ke RM4 bilion dan akan menjadi faktor mangkin kepada pembangunan IT di negara ini melalui:

- (i) menunjukkan keberkesanan multimedia dalam peningkatan kecekapan dan produktiviti dalam pengeluaran dan penghantaran barangan dan perkhidmatan dalam sektor awam dan swasta;
- (ii) mewujudkan penawaran dan permintaan di pasaran dunia bagi industri multimedia yang terletak di Malaysia; dan
- (iii) memastikan pemasangan teknologi yang bersesuaian untuk memaksimumkan penggunaan infrastruktur yang terdapat di MSC, termasuk KLIA, Putrajaya, rangkaian pengangkutan dan lebuhraya elektronik.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa dengan wujudnya MSC ini, setiap rumah dan setiap orang di Putrajaya akan dibekalkan dengan akses ke komputer dan bahawa industri di situ kebanyakannya akan berasaskan komputer dan disambung ke seluruh dunia.

Sungguhpun rakyat Malaysia ada sebab untuk berbangga dengan MSC ini, tetapi kita harus melihat pembangunan IT dari perspektif nasional dan antarabangsa yang betul dan wajar.

Pertama sekali, publisiti yang mengelilingi MSC ini memberikan satu gambaran bahawa Malaysia merupakan negara pertama yang membentuk

bandar raya cerdas, walhal banyak bandar raya cerdas sedang diwujudkan di lain-lain negara. Malah, Filipina mempunyai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sambung esok.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.